

Bil. 34

**Jumaat
27 Oktober 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Jilid 1
Bil. 34



Hari Jumaat
27hb Oktober, 1995

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KESEMBILAN

Ninth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

MESYUARAT KETIGA

Third Meeting

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1996 [Ruangan 21]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1997

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJUL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DRs. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL. P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K. (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).

Yang Berhormat TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).

„ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).

„ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

„ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).

„ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

„ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).

„ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).

„ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).

„ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

„ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

„ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).

„ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).

„ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).

„ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).

„ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).

„ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).

„ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).

„ DATO' HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).

„ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).

„ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).

„ DATO' HEW SEE TENG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).

„ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).

„ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).

„ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

„ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

„ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO ISAHAK (Kota Bharu).

„ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).

„ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).

„ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).

„ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

„ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).

„ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).

Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

„ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

„ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).

„ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).

„ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).

„ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

„ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

„ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

„ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).

„ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).

„ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).

„ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).

„ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).

„ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).

„ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).

„ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).

„ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).

„ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).

„ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).

„ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

„ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).

„ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

„ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).

„ TUN HAJI MUSTAPHA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).

„ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).

„ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).

„ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).

„ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

„ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

Yang Berhormat DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

„ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).

„ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).

„ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

„ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).

„ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).

„ TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).

„ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

„ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).

„ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).

„ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).

„ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).

„ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).

„ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).

„ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).

„ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

„ DR. TAN YEE KEW (Kelang).

„ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).

„ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).

„ WAN HANAFIAH BIN WAN SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).

„ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

„ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).

„ DATO' YAP PIAN HON, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).

„ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).

„ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).

„ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).

„ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).

„ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).

„ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).

„ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).

„ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik.

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah.

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Hajah Supiah binti Dewak.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Hajah Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Jumaat, 27hb Oktober, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG
 PERBEKALAN 1996

Bacaan Kali Yang Kedua

4.00 ptg.

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-Undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1996 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dua tahun yang lalu, apabila ekonomi Malaysia memasuki tahun ke-7 pertumbuhan yang melebihi 8

peratus, saya menganjurkan agar kita mengambil iktibar dari kisah Nabi Yusuf a.s.; iaitu 7 tahun yang subur tidak harus melupakan kita akan keperluan berwaspada menghadapi kemungkinan 7 tahun gersang berikutnya. Alhamdulillah, berkat perancangan dan pengurusan ekonomi, dasar perbelanjaan yang berhemat serta langkah proaktif, bukan sahaja kita dapat menangani kebanyakan masalah sebaik saja kelihatan petanda awal, malahan prestasi ekonomi secara umum telah dapat ditingkatkan. Meskipun kita masih berada di tahun ekonomi subur, kita perlu terus menerus memiliki kewaspadaan sebegini untuk menghadapi cabaran-cabaran terbaru dan tak terduga.

Kini negara kita telah memasuki tahun kedelapan dengan pertumbuhan tinggi. Berdasarkan prestasi yang cemerlang, kita merangka Belanjawan 1996 untuk menterjemah cita-cita Wawasan 2020 dan memenuhi prasetia kepada rakyat. Kita akan menyaran strategi dan memperkenalkan pelbagai langkah fiskal, kewangan dan pentadbiran, untuk terus merangsang pertumbuhan dan menjamin kesaksamaan sosial; menggembelng sumber daya manusia untuk menguasai teknologi.

Pendekatan sebeginilah yang menampilkan keunitkan Malaysia terutama di kalangan negara-negara membangun. Pembangunan ekonomi dijadikan pertimbangan dan tumpuan utama. Namun, berbeza dari pengamatan pembangunan yang lazim difahami, kita merencana kebijakan ekonomi bagi mencapai pembangunan seutuhnya - mencakupi pengertian keadilan sosial, kemantapan ilmu, ketinggian akal budi dan akhlak serta memperkasa budaya.

Pembangunan kita berteraskan konsep - al-adl wal ihsan - keadilan dan ihsan. Amanah ini memenuhi tuntutan prinsip kesalingan (reciprocity), yang diungkap oleh filsuf Kung Fu Tse sebagai Su. Yakni, apabila pemimpin dan kerajaan bertanggungjawab dan menunjukkan keprihatinan terhadap kepentingan negara dan permasalahan rakyat; maka rakyat bertindak balas dengan mendukung pimpinan dan menyokong dasar kerajaan. Kita bersyukur kerana semangat dan aduan ini dapat kita saksikan dalam pilihanraya umum pada bulan April yang lalu. (*Tepuk*) Rakyat memberikan sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana prinsip keadilan yang ditunjinginya- ibarat tiang panjang neraca penuh. Kemenangan besar ini juga adalah pengiktirafan terhadap kepimpinan cemerlang YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. (*Tepuk*) Kerajaan dan Perdana Menteri ibarat:

Pohon rimbun di tengah padang
Tempat bernaung kepanasan
Tempat berlindung kehujanan

CABARAN ANTARABANGSA

Ekonomi dunia dijangka berkembang pada kadar 3.3 peratus pada tahun 1995. Negara-negara Asia Timur dan Amerika Latin diramal terus mencatatkan momentum pertumbuhan, dengan masing-masing mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 7.5 peratus dan 2.6 peratus. Perkembangan ini akan menambahkan lagi rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi serantau.

Sementara bersikap optimis, kita juga perlu prihatin dan sentiasa waspada akan gejala negatif, seperti ketidakadilan hubungan negara-negara industri dengan negara-negara membangun, pergeseran perdagangan, ketidakstabilan sistem kewangan, kegawatan sosial serta kejutan yang tidak terduga, umpamanya akibat krisis Mexico. Justeru itu, asas ekonomi perlu sentiasa kukuh dan sebarang petanda

awal masalah yang muncul perlu digarap dan ditangani, agar perkembangan ekonomi dunia yang positif dapat kita manfaatkan sepenuhnya.

Kerajaan telah meneruskan usaha-usaha reformasi ekonomi kerana kita telah menyaksikan positif dari dasar terbuka tersebut. Walau bagaimanapun, kita harus bijaksana dan melaksanakan pembaharuan mengikut tahap dan keupayaan negara dan tidak menurut rentak yang ditentukan oleh negara kaya. Apa yang mereka canangkan sebagai dasar ekonomi bebas, tidak semestinya diamalkan kerana pertimbangan domestik dan tuntutan sektor swasta mereka yang merasa terancam dengan ketangkasan dan tandingan syarikat-syarikat Asia. Kita menyaksikan kecenderungan mengenakan sekatan bukan tarif, termasuk pra-syarat perdagangan seperti soal hak asasi manusia, hak pekerja dan isu alam sekitar.

Pengurusan kewangan juga diuji oleh pasaran pertukaran wang asing yang bergelora seketika pada tahun ini, terutama kerana kegagalan negara-negara maju menguruskan masalah struktur ekonomi masing-masing. Pasaran pertukaran matawang menjadi gawat apabila Amerika Syarikat tidak menunjukkan kesungguhan berusaha mengawal defisit fiskal yang semakin melebar dan mengambil tindakan jangka pendek untuk mengimbangi defisit perdagangan, terutama dengan Jepun, melalui taktik ancaman unilateral. Kita cuma merasa lega di pertengahan tahun ini, manakala ketidaktentuan pasaran pertukaran matawang antarabangsa kembali reda dengan nilai dolar Amerika Syarikat kembali meningkat.

EKONOMI MALAYSIA

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, ekonomi negara terus menyerlah dan mansang. Ini jelas dicerminkan oleh pencapaian pertumbuhan yang pesat

beserta dengan meningkatnya taraf hidup rakyat. Secara ringkas, kejayaan dari segi ekonomi ialah:

- (i) kadar pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebenar meningkat hampir 9 peratus setahun selama 8 tahun berturut-turut, daripada 9.2 peratus yang dicapai dalam tahun 1994, terus melonjak kepada 9.6 peratus pada tahun ini; (*Tepuk*)
- (ii) kadar inflasi menurun kepada 3.4 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama 1995, berbanding 3.7 peratus dalam tempoh yang sama tahun lepas. Ini menguatkan keyakinan kita mencapai matlamat inflasi sifar;
- (iii) keadaan guna tenaga penuh dapat dikekalkan dengan kadar pengangguran di tahap paling minimum pada paras 2.8 peratus. Tumpuan kini ialah ke arah meningkatkan kemahiran dan ketrampilan pekerja;
- (iv) kadar tabungan negara kasar pada 34 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) adalah setanding dengan Korea Selatan dan lebih tinggi daripada Jepun. Ini bererti kita berkeupayaan untuk membiayai sebahagian besar pelaburan negara dari sumber pembiayaan sendiri;
- (v) beban hutang negara masih rendah dengan nisbah khidmat hutang pada paras 5 peratus, dan yang pentingnya, kerajaan kini tidak perlu meminjam lagi;
- (vi) pertumbuhan KNK didorong oleh kepesatan pelaburan swasta yang telah meningkat sebanyak 20.9 peratus dan menyumbangkan lebih dua pertiga daripada pelaburan negara;
- (vii) eksport negara meningkat hampir 22 peratus, berjumlah RM187

bilion. Dalam arena perdagangan dunia, kita menduduki tempat ke 19. Struktur eksport barangan negara telah berubah dengan sumbangan eksport perkilangan meningkat daripada 59 peratus dalam tahun 1990 kepada 80 peratus tahun 1995;

- (viii) kemasukan modal asing jangka panjang dijangka meningkat kepada RM20 bilion berbanding RM16 bilion tahun lalu, terutamanya dalam industri-industri bermodal intensif;
- (ix) agensi-agensi penarafan kredit antarabangsa telah menaikkan taraf kredit Malaysia:
 - (a) Moody's Investors Services: kepada A1;
 - (b) Japanese Bond Rating Institute: kepada AA; dan
 - (c) Standard and Poors: kepada A+.

Petunjuk-petunjuk ekonomi tersebut merupakan ukuran penting, namun yang juga afdal ialah perspektif pengagihan dan kesejahteraan hidup rakyat. Prestasi petunjuk sosial kini menyelerah:

- (i) pendapatan per kapita rakyat meningkat kepada RM10,068 atau AS\$4,027. Berasaskan kepada perbandingan kuasa beli (*purchasing power parity*), pendapatan per kapita negara mencatatkan angka yang lebih tinggi, iaitu AS\$11,328;
- (ii) kadar golongan termiskin berkurangan kepada 2.2 peratus. Ini bermakna strategi membasmi sama sekali kemiskinan di kalangan golongan fakir sebelum tahun 2000 adalah realistik;
- (iii) jangka hayat penduduk Malaysia telah meningkat kepada 69.7 tahun bagi lelaki dan 74.2 tahun bagi perempuan.

- (iv) dari segi kemudahan kesihatan, nisbah doktor; penduduk berkurangan kepada 2,063, manakala bilangan klinik desa bertambah;
- (v) kadar celik huruf menunjukkan peningkatan kepada 89.3 peratus. Peratusan ke peringkat menengah dan institusi latihan meningkat kepada 88.1 peratus. Jumlah pelajar di institut pengajian tinggi tempatan meningkat kepada 130,705 pelajar;
- (vi) liputan penduduk desa yang mendapat bekalan air dan elektrik meningkat masing-masing kepada 85 peratus dan 92 peratus; dan
- (vii) kemudahan talian telefon meningkat kepada 14.7 talian bagi setiap 100 penduduk.

Di samping keunggulan tadi, kita juga menghadapi cabaran-cabaran sebagai kesan sampingan dari pertumbuhan pesat. Ini memang dijangka, dan langkah sewajarnya telah diambil agar jangan sudah terbulus baru nak melantai.

Pertama, dalam tahun 1995, akaun dagangan dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM500 juta, iaitu defisit yang pertama sejak 1982, sementara defisit akaun perkhidmatan terus meningkat. Akibatnya, defisit akaun semasa dijangka meningkat kepada RM18.1 bilion atau 9 peratus daripada KNK.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak seharusnya terheret menjadi gelabah macam cicak telan kapur, walhal berdasarkan pengalaman lalu, pelbagai masalah yang jauh lebih besar seperti beban hutang yang menggunung tinggi, pengangguran dan beban kewangan kerajaan untuk pembangunan, berjaya kita atasi. Lagi pun, defisit perlu dilihat dalam konteks ekonomi negara yang

berkembang pantas dan memerlukan permodenan dan pembesaran prasarana.

Jika diperinci, punca defisit tersebut ialah peningkatan import barangan modal dan perantaraan; yakni 86 peratus daripada jumlah import negara. Sebahagian dari jumlah ini, adalah import menimbun atau "lumpy import", sebanyak RM10 bilion dalam tahun 1995; terutamanya perolehan oleh syarikat-syarikat minyak, termasuk Petronas, sebanyak RM5.4 bilion untuk usaha-usaha carigali dan penggerudian; Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS), RM2.5 bilion untuk perolehan pesawat baru serta Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC) dan Perbadanan Nasional Shipping Line (PNSL), RM704 juta untuk perolehan kapal. Import kelengkapan pertahanan berjumlah RM1.4 bilion untuk mengganti dan memodenkan peralatan pertahanan. Import barangan besar lainnya meliputi kelengkapan dan peralatan untuk projek penjanaan tenaga elektrik termasuk Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP), pembesaran pelabuhan-pelabuhan, pembelian alat telekomunikasi dan juga keperluan industri.

Defisit besar akaun perkhidmatan juga disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang dijangka mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM11 bilion. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada aliran keluar ini ialah dalam bentuk dividen dan keuntungan syarikat-syarikat asing yang dilaburkan semula di dalam negeri.

Defisit juga disebabkan oleh bayaran keluar perkhidmatan, terutamanya fret dan insurans serta kontrak dan perkhidmatan profesional. Sehingga kini, sektor perkhidmatan masih kurang berupaya untuk menggantikan perkhidmatan yang diimport, termasuk dalam bidang pengangkutan, insurans, kontrak dan perkhidmatan profesional. Meskipun pembelian kapal MISC dan

PNSL menyebabkan defisit jangka singkat, tujuannya adalah untuk mengatasi masalah tersebut.

Dengan kemasukan modal asing yang dijangka berjumlah RM20 bilion, akaun asas yang merangkumi kedua-dua akaun semasa dan akaun modal, masih mencatatkan lebihan. Defisit akaun semasa negara dibiayai oleh kemasukan modal asing langsung jangka panjang dan bukan kemasukan modal asing jangka pendek. Akaun asas ini akan menjadi lebih besar lagi, jika tidak mengambil kira aliran keluar pelaburan yang dijangkakan sebanyak RM5.4 bilion tahun ini. Walau bagaimanapun, pelaburan Malaysia di luar negeri akan membawa faedah kepada negara melalui peningkatan rangkaian di antara industri tempatan dan asing serta menggalakkan eksport.

Kedua, kerancangan ekonomi yang berterusan telah meningkatkan paras harga akibat dari tolakan kos. Kesejahteraan hidup rakyat akan terjejas sekiranya kenaikan harga tidak dibendung. Lantaran itu, kerajaan secara tegas akan bertindak menggabungkan dasar-dasar kewangan dan fiskal serta langkah-langkah penguatkuasaan, bagi membendung kenaikan harga, khususnya keperluan asas.

Langkah dan strategi yang telah dilaksanakan telah menghasilkan sesuatu yang boleh dibanggakan di mana inflasi telah dapat dikurangkan kepada paras 3.4 peratus pada tempoh Januari hingga September 1995. Walaupun pencapaian tersebut memberangsangkan, kita memerlukan komitmen menyeluruh untuk membanteras inflasi.

Ketiga, kekangan pasaran buruh. Dengan kedudukan gunatenaga penuh, jumlah pekerja asing meningkat. Kita tidak lagi menggalakkan pelaburan dalam industri berteknologi rendah dan berintensif buruh, melainkan di koridor

timur, termasuk Sabah dan Sarawak atau dengan memindahkan ke kawasan pertumbuhan segitiga. Insentif tambahan telah diperkenalkan untuk:

- (i) beralih kepada teknologi canggih serta meningkatkan automasi; dan
- (ii) mempercepatkan pembinaan sumber daya manusia yang berketrampilan.

BELANJAWAN 1996

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggarap permasalahan yang disebutkan tadi, maka strategi Belanjawan 1996 dirangka seperti berikut:

- (i) mengekalkan pertumbuhan mampan dengan inflasi terendah;
- (ii) memperkukuh keupayaan sektor perkhidmatan;
- (iii) mempertingkatkan pembangunan sumber daya manusia dan keupayaan teknologi; dan
- (iv) meneruskan agenda pembangunan sosial.

Belanjawan Berhemat dan Adil

Kita bersyukur kerana sudah tiga tahun berturut-turut kita mencapai belanjawan berimbang yang memperlihatkan swadaya. Lebih-lebih lagi pada waktu yang sama kita melaksanakan dasar pengurangan cukai menyeluruh sementara peruntukan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan pula ditambah. Jelas sekali, bahawa Kerajaan berupaya meneruskan kejayaan ini kerana kita didorongi prinsip berhemat, cermat dan jimat berbelanja; dan akan terus mengawal belanjawan agar tidak berkembang. Akibat positif dari disiplin fiskal ialah akaun Kerajaan Persekutuan mencatat lebihan dan meningkatkan tabungan sektor awam kepada 38 peratus daripada tabungan negara.

Peruntukan Belanjawan 1996

Saya mencadangkan sejumlah RM55.467 bilion diperuntukkan bagi tahun 1996. RM41.266 bilion diperuntukkan kepada perbelanjaan mengurus, sementara RM14.201 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Jumlah ini merupakan pertambahan sebanyak 2.4 peratus berbanding dengan anggaran peruntukan semasa.

Kerajaan menjangkakan kutipan hasil pada tahun 1996 berjumlah RM54.376 bilion, peningkatan sebanyak 7.9 peratus. Ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat walaupun banyak pengurangan dan pelepasan cukai telah diumumkan dalam Belanjawan 1995. Akaun Kerajaan Persekutuan akan mencatatkan lebih keseluruhan sebanyak RM2.1 bilion. Lebih ini tidak mengambil kira potensi kehilangan hasil sebanyak RM437 juta dari langkah-langkah cukai yang akan dicadangkan dalam Belanjawan ini.

Perbelanjaan Mengurus

Sejumlah RM12.209 bilion adalah untuk membiayai emolument kakitangan perkhidmatan awam, termasuk RM2.0 bilion bagi pelarasan gaji. Jumlah yang sama telah juga disediakan untuk pelarasan gaji tahun ini. Walaupun kerajaan berusaha untuk mengurangkan pertumbuhan saiz perkhidmatan awam, pewujudan jawatan-jawatan baru bagi perkhidmatan kritikal tidak dapat dielakkan, termasuklah perkhidmatan pendidikan dan kesihatan.

RM21.077 bilion adalah untuk pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan berkanun, bayaran khidmat hutang negara, bayaran pencen dan ganjaran dan sumbangan kepada Kumpulan Wang Terkanun. RM6.017 bilion untuk keperluan penyelenggaraan, sewaan, pembelian bahan dan lain-lain perbelanjaan operasi

jabatan. RM882.8 juta untuk pembelian alat kelengkapan dan kemudahan pejabat. Peruntukan selebihnya sebanyak RM1.081 bilion adalah untuk lain-lain bayaran.

Peruntukan Pembangunan

Pada tahun 1996, saya mencadangkan peruntukan RM14.201 bilion untuk membiayai projek-projek pembangunan. RM5.768 bilion atau 40.6 peratus adalah untuk sektor ekonomi; RM3.840 bilion atau 27.0 peratus diperuntukkan bagi sektor sosial, RM3.154 bilion atau 22.2 peratus untuk keselamatan dan RM939.3 juta atau 6.6 peratus disediakan untuk pentadbiran am. Bakinya sejumlah RM500 juta, adalah untuk Simpanan Luar Jangka.

MENGEKALKAN PERTUMBUHAN MAMPAN DENGAN INFLASI TERENDAH

Strategi Pertama

Pengurusan ekonomi makro akan menjurus ke arah mengekalkan pertumbuhan dengan inflasi terendah. Kerajaan akan meneruskan dasar kewangan yang ketat bagi menyokong dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Pemberian pinjaman yang berlebihan untuk pembelian aset dan penggunaan tidak digalakkan, manakala langkah-langkah akan terus diambil bagi meningkatkan tabungan. Masalah kekangan faktor pengeluaran serta meningkatkan produktiviti dan daya saing negara juga akan diatasi.

Dasar kewangan terus diperketatkan untuk membendung permintaan agregat yang berlebihan. Meskipun dasar tersebut dilaksanakan dalam tahun 1995, perkembangan kewangan terus tinggi disebabkan oleh arah aliran meningkat pinjaman sektor swasta. Oleh itu, adalah penting dasar kewangan pada tahun 1996 terus diperketatkan. Kerajaan akan

meneruskan usaha untuk menjamin pertumbuhan penawaran bekalan wang dan pinjaman bank adalah selaras dengan pertumbuhan kegiatan ekonomi sebenar. Namun demikian, Kerajaan akan mengekalkan pengurusan kewangan yang pragmatik dan mengambil kira perkembangan semasa.

Meningkatkan Tabungan

Tahap tabungan kasar negara sebanyak 34 peratus daripada KNK adalah tinggi. Namun begitu, peningkatan kadar tabungan adalah lebih perlahan daripada pertumbuhan kadar pelaburan. Perbezaan ini telah menyebabkan meningkatnya jurang sumber daripada 6.2 peratus daripada KNK pada tahun 1994, kepada jangkakan 8.9 peratus pada tahun 1995.

Ketika ini, kadar caruman berkanun pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah sebanyak 10 peratus, manakala pihak majikan mencarum sebanyak 12 peratus. Sebagai langkah meningkatkan tabungan, saya mencadangkan untuk menaikkan kadar caruman pihak pekerja kepada 11 peratus mulai Januari 1996. Peningkatan kadar caruman pekerja tidak akan membebankan, malahan dapat menjamin kesejahteraan mereka di masa hadapan. Perlu juga dijelaskan, bahawa sebahagian besar dari pencarum mempunyai baki simpanan yang kecil di dalam KWSP. Kadar caruman pihak majikan telah pun dinaikkan dari 11 peratus kepada 12 peratus pada tahun 1993. Kerajaan akan bertindak tegas terhadap majikan yang ghaflah dan engkar mencarum kepada KWSP.

Sektor korporat disaran menubuhkan kumpulan wang pencen persendirian bagi manfaat pekerja mereka. Kadar maksimum caruman majikan kepada KWSP dan skim yang diluluskan diberi potongan bagi tujuan cukai pendapatan sebanyak 16

peratus. Saya mencadangkan untuk meningkatkan kadar yang layak mendapat potongan kepada 17 peratus.

Saya juga mencadangkan untuk menerbitkan satu lagi 'bon simpanan nasional' berjumlah RM1 bilion pada tahun 1996, memandangkan sambutan yang menggalakkan semasa terbitan terdahulu.

Saya juga mencadangkan pengecualian cukai pendapatan ke atas faedah yang diterima oleh individu daripada deposit dengan institusi kewangan bagi akaun berikut:

- (i) akaun simpanan yang berjumlah sehingga RM100,000;
- (ii) akaun deposit tetap yang kurang daripada 12 bulan dan berjumlah sehingga RM100,000; dan
- (iii) semua deposit tetap untuk tempoh 12 bulan atau lebih.

Pengecualian tersebut adalah juga diperluaskan kepada keuntungan dari akaun simpanan dan pelaburan di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF).

Taraf kesihatan yang tinggi di kalangan rakyat menguntungkan negara: produktiviti terjamin dan kos perkhidmatan kesihatan rendah. Untuk mempertingkatkan mutu rawatan kesihatan, saya mencadangkan penghapusan duti import dan cukai jualan bagi semua peralatan asas perubatan. (*Tepuk*) Jika masih ada peralatan perubatan yang masih terkena duti, permohonan pengecualian duti yang berasingan bolehlah diajukan ke Perbendaharaan untuk dipertimbang. Kerajaan berharap golongan pengamal dan perawat perubatan swasta akan mengalirkan faedah ini kepada para pesakit.

Pada masa ini, pelepasan cukai bagi seseorang individu ke atas caruman kepada skim kumpulan pencen yang diluluskan

dan premium insurans (atau takaful) nyawa adalah sehingga RM5,000. Saya mencadangkan pelepasan cukai ditambah sebanyak RM2,000 lagi, khusus untuk meliputi premium insurans bagi pendidikan dan perubatan. Ini adalah untuk menggalakkan simpanan bagi tujuan pendidikan dan perubatan, serta untuk membangun industri pendidikan dan rawatan kesihatan.

Mengurangkan Cukai Pendapatan Individu

Tuan Yang di-Pertua, kadar-kadar cukai pendapatan individu telah dikurangkan pada tahun lalu. Kita berasa lega kerana sementara cukai dikurangkan, hasil cukai Kerajaan pula bertambah. Maka terdoronglah saya untuk mengurangkan lagi cukai pendapatan individu. *(Tepuk)* Saya mencadangkan kadar maksimum cukai pendapatan diturunkan dari 32 peratus kepada 30 peratus. *(Tepuk)* Bagi kumpulan lainnya, kadar cukai akan diturunkan di antara 1 dan 2 mata peratus. Kumpulan yang berpendapatan rendah telah tidak dikenakan cukai pendapatan. Bagi kumpulan pendapatan sederhana, ini merupakan penurunan yang paling besar. Dihitung bersama dengan pengurangan kadar cukai dan tambahan pelepasan sebelum ini, maka seramai 525 ribu pembayar cukai ataupun 37 peratus dari semua pembayar cukai tidak lagi dikenakan cukai pendapatan. *(Tepuk)* Tidak sia-sialah mereka mengundi Barisan Nasional. *(Tepuk)* Lantaran cukai pendapatan umumnya diturunkan, jentera Jabatan Hasil Dalam Negeri tentunya akan lebih tegas bertindak meneropong dan menggeledah kalangan yang cuba mengelak dari membayar cukai. Sebagai langkah galakan untuk koperasi, saya mencadangkan pula kadar cukai maksimum bagi koperasi ke atas pendapatan yang dicukai melebihi RM500,000, dikurangkan daripada 32 kepada 30 peratus. Bagi pendapatan yang kurang daripada jumlah ini, kadar cukai dikurangkan di antara 1 dan 2 mata peratus.

Barang diingat, cukai pendapatan individu dikurangkan bagi mengurangkan beban rakyat. Tetapi kesan yang diharapkan ialah galakan bekerja lebih tekun, rajin dan gigih. Kalau cukai diturun, hari bekerja pula dikurangkan, tentulah pembangunan negeri kian lembab! *(Tepuk)*

Kita telah dapat menempelak gagasan ekonomi konvensional bahawa pertumbuhan yang tinggi semestinya mengakibatkan inflasi. Di sebaliknya, kita bercita-cita untuk menjamin kemampanan dengan meletakkan target inflasi sifar. Membanteras inflasi memerlukan iltizam rakyat. Ubatnya ada seperti jadam sememangnya pahit, tapi mustajab. Pertama, berbelanja jangan boros; kedua mesti rajin menabung. Yang menjadi kita boros ialah kemewahan serta senang mendapat kemudahan kredit. Yang lebih parah ialah bila kurang wang kertas, wang plastik digunakan. Biar papa, asal bergaya - ini falsafah merbahaya, baik untuk individu, syarikat atau negara! Bilangan kad kredit meningkat ketara dari 700 ribu pada tahun 1990 kepada 1.6 juta sehingga Jun tahun ini. Baki hutang kad kredit berjumlah RM2.5 bilion, maka wajarlah diambil langkah membendung penggunaannya. Saya mencadangkan bayaran minimum kad kredit ditingkatkan kepada 15 peratus daripada baki bulanan. *(Ketawa)*

Bila ekonomi semakin gagah, kuasa beli rakyat pun meningkat. Ada yang asyik menukar baru dan bergaya tukar dan tukar termasuk menukar kereta. Akibatnya dalam lapan bulan pertama tahun ini sahaja penjualan kereta penumpang meningkat sebanyak 50 peratus. Cukai jalan bagi kereta penumpang berenjin petrol tidak dinaikkan selama 12 tahun. Saya mencadangkan *(Ketawa)* kadar cukai jalan bagi kereta kecil dan sederhana iaitu bagi 2,000 c.c. ke bawah dikekalkan. *(Ketawa)* Tetapi, bagi kereta mewah, iaitu kapasiti melebihi 2,000 c.c., saya mencadangkan kadar cukai jalan dinaikkan sebanyak 25 peratus, iaitu

di antara 20 sen hingga 90 sen bagi setiap c.c. Beli Proton! (*Ketawa*) Saya juga mencadangkan cukai jalan ke atas kereta penumpang milik syarikat yang berenjin petrol dinaikkan dari dua kepada tiga kali ganda cukai jalan bagi kereta penumpang persendirian berenjin petrol.

Menambahkan Bekalan Makanan

Lebih 50 peratus peningkatan kadar inflasi adalah disebabkan oleh kenaikan harga bagi komponen makanan. Bekalan makanan telah berkurangan berikutan kekurangan kawasan pengeluaran. Kerajaan negeri perlu menambah kawasan bagi pengeluaran makanan. Untuk memudahkan lagi pembiayaan di bawah Tabung Makanan, saya telah pun mengumumkan pelonggaran lagi kriteria pinjaman. Petani-petani kecil dikecualikan daripada menyediakan cagaran sekiranya mereka mendapat sokongan daripada persatuan peladang.

Sebagai galakan tambahan, saya mencadangkan Elaun Pelaburan Semula diperluaskan untuk aktiviti pengeluaran bahan makanan penting seperti penanaman padi, jagung, buah-buahan, sayur-sayuran, penternakan haiwan dan kehidupan air. Setakat ini insentif tersebut hanya layak dinikmati oleh syarikat perkilangan. Dengan perluasan insentif ini ladang-ladang besar harus terlibat dengan pengeluaran bahan makanan.

Selain itu, cukai import ke atas peralatan tertentu dan input secara langsung yang digunakan dalam aktiviti pengeluaran bahan makanan secara komersil atau berkelompok akan dikecualikan.

Saya juga mencadangkan supaya Elaun Pelaburan Semula diselaraskan dengan Elaun Cukai Pelaburan. Saya mencadangkan supaya mekanisma pemberiannya diselarasnya dengan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan. Ini

bermakna syarikat yang menikmati Elaun Pelaburan Semula akan diberi pengecualian cukai ke atas 70 peratus daripada pendapatan berkanun bagi satu-satu tahun, manakala bakinya akan dikenakan cukai pada kadar semasa. Baki elaun yang tidak dapat dituntut dalam satu-satu tahun boleh dibawa ke tahun hadapan sehinggalah ianya dapat digunakan sepenuhnya. Dengan ini, syarikat yang menikmati Elaun Pelaburan Semula akan membayar cukai pendapatan kira-kira 9 peratus dalam satu-satu tahun yang menyamai kadar yang dibayar oleh syarikat yang membuat pelaburan baru. Sebagai penarik kepada perubahan ini, saya mencadangkan supaya kadar Elaun Pelaburan Semula dinaikkan daripada 50 peratus kepada 60 peratus. Di samping itu, syarikat yang beroperasi di koridor timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, diberikan kelonggaran menggunakan sepenuhnya elaun pelaburan semula bagi mendapat pengecualian pendapatannya dalam satu-satu tahun.

Mengurangkan Spekulasi Hartanah

Kerajaan telah juga memperketatkan garis panduan (FIC) mengenai perolehan hartanah oleh pihak asing dengan menghadkan pembelian ke atas rumah-rumah bernilai lebih dari RM250,000 seunit. Sebagai langkah tambahan, saya mencadangkan pengenaan levi sebanyak RM100,000 oleh pihak berkuasa negeri bagi setiap perolehan hartanah oleh kepentingan asing. Untuk mengawal spekulasi ke atas hartanah, saya mencadangkan kadar cukai keuntungan hartanah dinaikkan dari 20 peratus kepada 30 peratus bagi pelupusan hartanah dalam tempoh dua tahun selepas hartanah dimiliki. Kadar cukai bagi pelupusan dalam tahun ketiga akan dinaikkan dari 15 kepada 20 peratus, tahun keempat, 10 peratus kepada 15 peratus. Pelupusan hartanah oleh individu bukan warganegara pula, akan dikenakan cukai keuntungan hartanah pada kadar tetap 30 peratus.

Mengurangkan Kos Menjalankan Perniagaan

Sebagai langkah untuk memperbaiki lagi sistem pemberian pengecualian duti dan cukai, saya mencadangkan supaya duti import dan/atau cukai jualan ke atas beberapa bahan mentah/komponen dan alat kelengkapan dihapuskan. Tindakan ini meliputi kira-kira 800 jenis barangan seperti bahan makanan dari buah-buahan, bahan untuk barangan plastik, kain-kain ela, batu permata dan perak bagi barangan kemas, barangan besi, keluli dan beberapa jenis motor elektrik dan janakuasa. Turut terlibat ialah peralatan percetakan untuk menyemarak penyebaran ilmu, tetapi bukan memberi kesempatan memfitnah melalui surat layang; dan melabrak melalui buku picisan.

Persaingan perlu digalakkan di antara pengeluar dan menjamin kecukupan bekalan di pasaran tempatan. Pendekatan ke arah meningkatkan daya saing di kalangan pengeluar tempatan ialah melalui pengurangan tahap perlindungan tarif. Saya mencadangkan duti import ke atas 710 jenis barangan yang telah dilindungi melebihi 10 tahun, dikurangkan. Ini melibatkan barangan plastik seperti paip dan tiub, kain ela, barangan berasaskan besi dan keluli, peralatan elektrik seperti pemanas air, panel kawalan elektrik dan kabel bersalut. Untuk menginsafkan kita yang diturunkan dan dibatalkan termasuk kain ihram, keranda dan batu nisan. (*Ketawa*) Dan termasuk untuk memperkuatkan badan, ginseng dan kelambu pun turun agar nyenyak tidur.

Memajukan Industri Pasaran Modal

Jumlah dana bersih yang digembleng dari pasaran modal, Tuan Yang di-Pertua, termasuk sekuriti hutang swasta, telah meningkat kepada RM18.8 bilion pada tahun 1994. Bagi tempoh lapan bulan pertama tahun ini sebanyak RM11.2 bilion

telah berjaya diperolehi melalui pasaran modal. Negara-negara Islam kini mengiktirafkan keupayaan kita memperkenalkan instrumen yang baru dan canggih dalam bidang kewangan dan perbankan Islam yang cukup komprehensif. Ini adalah selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam terunggul.

Kita akan terus berusaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Pasaran Modal Serantau di samping Labuan sebagai IOFC terkemuka. Saya telah mengumumkan beberapa langkah melonggarkan peraturan berhubung pasaran modal, khususnya mengenai industri pengurusan dana, sekuriti hutang dan pasaran saham. Pada hari ini, saya mengumumkan langkah-langkah tambahan:

(i) Pembangunan Pasaran Bon

Bagi mencapai objektif pembangunan pasaran bon melalui Pasaran Sekuriti Hutang Swasta, sistem pemindahan elektronik untuk dana dan sekuriti akan diperkemaskan. Tindakan seterusnya ialah menghapuskan pertindihan fungsi di kalangan pihak berkuasa yang terlibat dengan pengeluaran bon. Saya mencadangkan bahawa faedah dari bon-bon tertentu yang diterima oleh dana tertutup atau "closed-end fund" yang disenarai dalam unit-unit amanah dikecualikan daripada cukai;

(ii) Penubuhan Bursa Niaga Hadapan

Pindahan Akta Perindustrian Niaga Hadapan telah diluluskan bagi membolehkan Suruhanjaya Sekuriti mengawasi dengan lebih berkesan kegiatan urusan niaga pasaran hadapan. Kedua-dua Bursa, KLOFFE dan MME, akan menubuhkan "Malaysian

Derivatives Clearing House”, untuk membolehkan perniagaan derivatif dimulakan pada penghujung tahun ini. Selaras dengan hasrat untuk memastikan kejayaan industri kewangan yang baru, saya telah meluluskan pengecualian cukai pendapatan kepada KLOFFE dan MME;

(iii) **Penubuhan Lembaga Standard Perakaunan Malaysia**

Pembangunan pasaran modal, turut memerlukan komitmen dalam menyediakan laporan kewangan dan pengawalan badan korporat. Dalam hal ini, saya ingin mengumumkan bahawa Yayasan Laporan Kewangan (Financial Reporting Foundation) dan Lembaga Standard Perakaunan Malaysia (Malaysian Accounting Standards Board) akan ditubuhkan bagi menggubal standard perakaunan dan bidang-bidang pematuhan dan penguatkuasaan.

Dengan kematangan pasaran, pengenalan instrumen kewangan canggih, maka tahap pengawasan dan jaminan kepentingan pelabur, termasuk pelabur kecil mestilah dipelihara.

Mengurangkan Kepesatan Import

Untuk mengelakkan impak yang terlalu besar ke atas import berikutan pelaksanaan bergugus projek-projek besar atau “bunching of projects”, Kerajaan mengkaji projek besar di dalam jangkaan pelaksanaan dengan kemungkinan penjadualan semula. Dalam melaksanakan projek-projek tersebut secara berperingkat, Kerajaan akan menentukan supaya bukan sahaja komponen diperolehi dari sumber tempatan, tetapi juga kegiatan pengeluaran komponen dilakukan di dalam negeri. Kerajaan juga akan mempergiatkan lagi rancangan, untuk mengimbangi “off-set”

di dalam melaksanakan projek, di samping menggalakkan Perusahaan Awam Bukan Kewangan dan syarikat swasta menggunakan komponen tempatan. Selain dari itu, dalam menyediakan anggaran kos pembinaan projek-projek, penelitian terperinci akan dijalankan. Misalnya, bagi projek KLIA, kos pembinaan dianggarkan pada masa ini, sebanyak RM8 bilion hingga RM9 bilion, jauh lebih rendah dari pengumuman asal sebanyak RM20 bilion.

Negara terus bergantung kepada pengimportan jentera berat seperti jentolak, penggali tanah, pelantak cerucuk dan kren menara (pile-drivers dan tower cranes). Import oleh sektor binaan dapat dikurangkan sekiranya jentera yang banyak tersadai diperbaiki dan digunakan semula. Aktiviti seperti ini, jika digalakkan dapat memajukan juga industri mesin dan kejuruteraan tempatan. Saya mencadangkan supaya aktiviti pemuliharaan jentera berat disenaraikan sebagai aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Syarikat yang menjalankan aktiviti tersebut layak mendapat galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan.

Faktor lain yang menyumbang kepada defisit akaun perkhidmatan ialah bayaran perkhidmatan kontrak dan profesional yang meningkat kepada RM4.6 bilion pada tahun 1994. Lebih 25 peratus atau RM1.2 bilion adalah bayaran yang dibuat oleh PABK. Kerajaan akan memperkenalkan syarat yang lebih ketat, termasuk program latihan untuk memastikan pemindahan teknologi.

Bagi mengurangkan import dan menggalakkan industri komponen tempatan, rangkaian antara Industri Kecil dan Sederhana dengan syarikat-syarikat multinasional akan dipergiatkan. Di bawah program untuk memajukan masyarakat perniagaan Bumiputera, jumlah bilangan vendor di pelbagai kementerian dan

syarikat telah meningkat kepada 115. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan nasihat, bimbingan dan latihan kepada usahawan IKS. Sebanyak 10 tapak perindustrian IKS berharga RM50 juta, sedang dalam pelaksanaan. Kemudahan pinjaman mudah akan dapat dinikmati oleh usahawan IKS melalui Tabung Pelaburan Domestik yang baru dilancarkan dengan peruntukan dana RM1 bilion.

Meningkatkan Pembangunan Usahawan

Tabung Bantuan Pengusaha Kecil telah ditubuhkan bagi menyelaraskan penggunaan modal pinjaman yang disumbangkan oleh PUNB, CGC dan Kerajaan. Dengan wujudnya Tabung ini yang mempunyai dana sebanyak RM400 juta, usahawan Bumiputera dijangka dapat menikmati kemudahan pinjaman mudah bagi tujuan modal teroka, perniagaan francais dan sebagainya.

MEMPERKUKUH KEUPAYAAN SEKTOR PERKHIDMATAN

Strategi Kedua

Defisit akaun semasa terutamanya didorong oleh aliran keluar bersih sektor perkhidmatan yang terus meningkat; berjumlah RM18.1 bilion atau 9 peratus daripada KNK. Dari segi pengeluaran, sumbangan kepada KDNK masih kekal pada 44 peratus. Ini disebabkan oleh sektor perkhidmatan negara yang kurang dinamik. Oleh itu, sektor perkhidmatan perlu digerak dan dipermodenkan bagi membolehkannya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan mampu menerokai peluang bagi mengeksport perkhidmatan.

Saya bercadang untuk menyediakan galakan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi projek

perkhidmatan yang diluluskan di bawah sub-sektor komunikasi, kemudahan awam dan pengangkutan. Penekanan kepada ketiga-tiga sub-sektor selaras dengan dasar penswastaaan tertakluk kepada kriteria tertentu, galakan cukai tersebut disediakan:

- (i) pengecualian cukai pendapatan di antara 70 peratus hingga 100 peratus dari pendapatan berkanun bagi tempoh di antara 5 tahun hingga 10 tahun;
- (ii) Elaun pelaburan di antara 60 peratus hingga 100 peratus meliputi perbelanjaan modal yang layak bagi tempoh 5 tahun. Elaun ini dibenarkan sebagai potongan di antara 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun;
- (iii) Elaun Bangunan Perindustrian bagi pembinaan di bawah projek perkhidmatan yang diluluskan.

Menggalakkan Sektor Pelancongan Dalam Negeri

Malaysia telah berjaya mengekalkan ketibaan pelancong melebihi 7 juta setahun dengan pendapatan pertukaran asing darinya bertambah RM8.9 bilion dalam tahun 1994. Kemudahan dan produk pelancongan dalam negeri termasuk tempat-tempat peranginan baru, kemudahan penginapan yang sederhana perlu ditambah seperti rangkaian hotel Seri Malaysia. Tumpuan juga diberi kepada pembinaan infrastruktur kebudayaan dan pusat kesenian seperti panggung negara, muzium dan balai budaya.

Rakyat Malaysia terlalu gemar keluar negeri termasuk melancong dan tahun lalu sahaja berjumlah 6.8 juta orang. Maka wajarlah Kerajaan memungut sedikit cukai dari mereka. Saya mencadangkan cukai

perkhidmatan penerbangan antarabangsa sahaja, dinaikkan dari RM20 kepada RM40 mulai 1 Januari 1996. Malaysia kian dikenali sebagai destinasi percutian yang menarik—dari legenda Langkawi, keajaiban Gua Mulu, Kota Bersejarah Melaka, ketenangan Kinabalu di bawah bayu dan keindahan Pulau Mutiara. Sungguh mengaibkan andaikata rakyat Malaysia tidak mengenali keunikan dan melancong dalam negeri sendiri.

Meningkatkan Penggunaan Pelabuhan dan Perkapalan Negara

Kerajaan telah berbelanja sebanyak RM3.6 bilion dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk menggalakkan penggunaan pelabuhan dalam negara dengan meningkatkan keupayaan dan kecekapan pelabuhan. Satu pelabuhan baru akan dibina di Tanjung Pelepas, Johor. Kita ingin menjadikan Pelabuhan Kelang sebagai entreport yang terbilang seantero dunia. Kita mahu kapal-kapal dari negara atas angin dan negara bawah angin iaitu barat dan timur datang berniaga di Pelabuhan Kelang. Maka sistem rangkaian data elektronik akan bermula operasi pada 31 Oktober, untuk membolehkan urusan pengendalian kargo dijalankan dengan lebih cekap. Perkhidmatan bunker juga akan disediakan di Pelabuhan Barat Pelabuhan Kelang. Pelabuhan Kelang diisytiharkan sebagai Zon Perdagangan Bebas untuk menggalakkan aktiviti pemindahan kargo dan urusan pengeksportan semula. Sebagai galakan untuk menggunakan pelabuhan dalam negeri, saya mencadangkan menambahkan kadar levi yang dikenakan ke atas kenderaan barang yang meninggalkan negara dari RM100 kepada RM200. Bagi kenderaan barang muatan yang memasuki Malaysia, levi sebanyak RM100 akan dikenakan.

Global Maritime Venture Berhad, yang ditubuh di bawah pembiayaan Tabung

Perkapalan, kini mula beroperasi dengan memiliki 11 buah kapal dan telah melabur di dalam dua buah anak syarikat yang memiliki 18 buah kapal. Kerajaan akan memperkenalkan peraturan yang lebih ketat kepada PABK supaya barang-barang diimport secara f.o.b. dan dieksport secara c.i.f.

Meningkatkan Keupayaan Pembendungan Insurans

Sebanyak 93 peratus bagi insurans besar dan terkhusus masih lagi disidkan keluar negeri dalam bentuk insurans semula. Bagi meningkatkan tahap pembendungan premium, saya mengumumkan penubuhan sebuah konsortium insurans semula iaitu "Malaysian-Re International Insurance" yang beroperasi di Labuan. Syarikat ini merupakan usahasama Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (Telekom), Petronas, MAS, MISC, bank-bank, LTAT dan lain-lain. Dengan modal yang dibenarkan sebanyak AS\$200 juta, ianya akan menjadi syarikat insurans semula terbesar di rantau ini.

Menggalakkan Sektor Eksport

Baru-baru ini, Kerajaan telah menubuhkan EXIM Bank, "Export Import Bank of Malaysia Berhad", bertujuan untuk meningkatkan eksport, termasuk eksport perkhidmatan. Sektor eksport hendaklah berusaha lebih gigih meningkatkan daya saing dan meneroka pasaran bukan tradisional. Sebagai langkah untuk menggalakkan eksport, saya mencadangkan supaya perbelanjaan tertentu untuk mempromosi eksport perkhidmatan diberi potongan dua kali bagi tujuan cukai pendapatan.

Bagi menjamin eksport minyak sawit diproses berupaya terus bersaing, saya mencadangkan untuk menggantung duti eksport ke atas barangan tersebut bagi

tempoh 1 tahun mulai 1 November 1995. (*Tepuk*). Langkah ini perlu diambil kerana pada paras harga semasa, duti eksport menjadikan harga minyak sawit diproses semakin mahal. Struktur duti eksport akan disemak semula supaya dapat menggalakkan kilang penapis untuk memproses minyak sawit ke tahap nilai ditambah yang lebih tinggi.

Mempertingkatkan Pembangunan Teknologi Maklumat

Kita juga perlu melangkaui dari sekadar menjadi pengguna produk multi-media, komputer, Internet dan telekomunikasi. Untuk menggiatkan pertumbuhan industri maklumat, kita perlu membangunkan prasarana telekomunikasi, elektronik, komputer dan perisian. Justeru itu, kita membina Menara Kuala Lumpur, meningkatkan rangkaian telekomunikasi negara, termasuk pelancaran Satelit Asia Timur Malaysia atau MEASAT 1, mewujudkan koridor raya multimedia dan menyediakan kepakaran tenaga manusia yang bersesuaian.

Sebagai langkah untuk menggalak penggunaan komputer di kalangan rakyat serta pemodenan operasi pihak swasta, saya mencadangkan:

- (i) cukai jualan ke atas komputer dan komponennya termasuk perisian-nya dihapuskan; (*Tepuk*)
- (ii) dalam pengiraan cukai pendapatan, elaun modal berhubung dengan perbelanjaan ke atas komputer dan lain-lain peralatan teknologi maklumat dibenarkan dituntut dalam tempoh dua tahun.

Membangunkan Koridor Raya Multimedia

Kerajaan akan membangunkan kawasan di antara Kuala Lumpur dengan

Selang, termasuk Putra Jaya dan KLIA, sebagai Koridor Raya Multimedia. Langkah tersebut akan menarik syarikat multimedia antarabangsa dan berteknologi tinggi untuk menempatkan operasi mereka di sini.

Meneruskan Dasar Penswastaan

Beberapa aktiviti seperti perkhidmatan kesihatan, pelupusan lebih toksid, pengangkutan awam dan beberapa perkhidmatan lain akan turut diswastakan. Tindakan diambil untuk mengurangkan pegangan Kerajaan ke atas syarikat yang dimiliki oleh Khazanah Nasional Berhad dan Menteri Kewangan Diperbadankan, melainkan pelaburan dalam bidang strategik termasuk pengeluaran bahan-bahan berteknologi tinggi seperti "advanced composite materials" dan "silicon wafer".

Memperkasa Seni Budaya dan Industri Penyiaran

Tuan Yang di-Pertua, bidang penyiaran masih banyak bergantung kepada bahan-bahan penyiaran diimport, terutama dari Barat. Jika keadaan ini dibiarkan berterusan, bukan sahaja kita mengalami aliran keluar wang yang banyak, kita juga terus menerus terdedah dan terkepong oleh budaya luar yang boleh mencabar dan meminggirkan budaya kita sendiri.

Untuk memperkasa budaya, sejumlah RM75.31 juta dicadangkan bagi kegiatan kebudayaan dan kesenian. Saya telahpun memberikan pengecualian duti import ke atas peralatan penyiaran kepada syarikat-syarikat penyiaran tempatan. Saya juga telah bersetuju memberikan pengecualian duti import ke atas peralatan

“production and post-production” bagi menjalankan aktiviti perfileman dan muzik. Saya mencadangkan pengecualian duti hiburan bagi pertunjukan pentas yang diusahakan oleh syarikat dan kumpulan teater tempatan sahaja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Adalah diharapkan kerajaan-kerajaan negeri akan juga bersetuju memberi kemudahan yang sama di negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, pada firasat saya, cuma satu negeri sahaja yang akan berkecuali. Kumpulan Mak Yong Kelantan terpaksa dipelawa membuat pertunjukan di negeri lain. Selanjutnya, bagi mengangkat mutu industri penyiaran dan memperkayakan seni budaya negara, saya mencadangkan penubuhan dana khas berjumlah RM50 juta. Tabung ini akan digunakan untuk memajukan bidang seni pentas, industri penyiaran dan pengurusan filem dan juga kemudahan pinjaman bagi pembelian peralatan serta kelengkapan. Agar kehidupan seni lebih bertenaga, sektor swasta perlu mengembangkan kegiatan tersebut, sepertimana yang telah dilakukan oleh Petronas dengan menubuhkan Simfoni Orkestra Petronas.

MENINGKATKAN SUMBER DAYA MANUSIA DAN KEUPAYAAN TEKNOLOGI

RM11.782 bilion diperuntukkan bagi tujuan pendidikan dan latihan. Kerajaan akan meneruskan reformasi pendidikan dengan mengambil kira tahap baru pembangunan dan perindustrian.

Untuk melahirkan generasi berketrampilan, kurikulum diubah dan enrolmen ditingkatkan untuk melahirkan lebih ramai juruteknik dan jurutera. Penstrukturan sekolah menengah juga diubah supaya sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik dilaksanakan secara berperingkat.

Menyusul urutan keutamaan dalam Belanjawan yang lalu, semua kementerian dan agensi digerakkan untuk meningkatkan prestasi latihan teknologi. Program komputer dalam pendidikan akan diperluas. Ini meliputi aspek kemahiran asas penggunaan komputer. Begitu juga dengan peranan institut latihan perindustrian, MARA dan Institut Kemahiran Belia Negara.

Bagi menyemarakkan pendemokrasian pendidikan tinggi, semua institut pengajian tinggi akan memperkenalkan Pendidikan Jarak Jauh mulai sesi pengajian 1996. Syarikat Kerajaan seperti TNB, Telekom dan Petronas, akan melipatgandakan usaha melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran. Petronas akan mengambil alih kampus USM cawangan Perak untuk dijadikan Institut Teknologi Petronas yang bertaraf universiti. Petronas juga mempunyai dua pusat latihan utama yang akan ditingkatkan iaitu Batu Rakit, Terengganu dan Matang, Sarawak. TNB menaikkan taraf Institut Kejuruteraan Teknologi Tenaga Nasional menjadi sebuah institut pengajian tinggi. Telekom menawarkan kursus di peringkat diploma mulai tahun 1994 di Institut Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat.

Sementara kita menggiatkan pembinaan ketrampilan, sistem pendidikan harus dibina atas landasan yang kukuh. Pendidikan secara bersepadu, dilaksanakan bagi mencapai keseimbangan kecemerlangan akademik dengan ketinggian akal budi. Filasuf Islam Ibnu Miskawaih melihat pendidikan sebagai Tahzib al-Akhlak, proses menggilap sahsiah, sementara dalam tradisi Kong Fu Tze, pendidikan adalah “learning to be human,” penghayatan konsep shen jen atau manusia hakiki. Pendidikan agama dan moral adalah secara khusus untuk tujuan tersebut. Justeru itu, pendidikan dan latihan Islam termasuk oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan IKIM terus diberikan keutamaan.

Malaysia mampu menjadi pusat pendidikan serantau yang unggul dengan dokongan sektor swasta. Akta-akta yang berkaitan dengan pendidikan akan dipinda bertujuan mengemaskini peruntukan akta selaras dengan keperluan pendidikan mutakhir; kepentingan pendidikan tinggi dan pendidikan swasta. Saya juga mencadangkan supaya perbelanjaan bagi bangunan dan asrama pelajar untuk kemudahan pendidikan termasuk, institut latihan teknikal dan vokasional, diberi Elaun Bangunan Perindustrian sebanyak 10 peratus bagi setiap tahun. Elaun ini dituntut dalam tempoh 10 tahun.

Pada masa ini, perbelanjaan melatih pekerja syarikat sebelum memulakan perniagaannya tidak layak mendapat potongan cukai kecuali bagi syarikat perkilangan kecil dan sederhana. Sebagai galakan, latihan yang sesuai diberi kepada pekerja-pekerja baru, maka saya mencadangkan supaya perbelanjaan tersebut bertujuan untuk menyediakan pekerja mahir dan terlatih apabila syarikat memulakan perniagaan dibenarkan sebagai potongan dalam pengiraan cukai pendapatan syarikat.

Pekerja Asing

Kekurangan tenaga buruh tempatan perlu diatasi dengan kemasukan pekerja asing. Untuk mengurangkan kekangan buruh, Kerajaan telah mengambil langkah merangsang peralihan kepada proses bermodal intensif dan berteknologi tinggi. Untuk mengurangkan ketergantungan kepada pekerja asing, saya mencadangkan levi atas pekerja asing dinaikkan seratus peratus (*Tepuk*). Misalnya, bagi sektor perkilangan dan pembinaan, levi ke atas pekerja asing tanpa kemahiran dinaikkan dari RM420 kepada RM840 setahun dan bagi pekerja separuh mahir RM600 kepada RM1,200 setahun. Kenaikan ini tidak membabitkan pembantu rumah dan pekerja

tidak mahir di sektor pertanian. Bagi golongan profesional dan lainnya yang dikenakan cukai pendapatan, levi yang dibayar akan diberi rebat.

Sains dan Teknologi

Sejumlah RM471 juta diperuntukkan bagi pembangunan sains dan teknologi. IRPA akan disusun semula supaya dapat memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi. RM200 juta disediakan untuk IRPA bagi tahun 1996. Untuk menggalakkan program penyelidikan dan pembangunan (P&P) yang berorientasikan pelanggan dan memperuntukkan rantaian antara institusi sektor awam dan industri, sistem penyelidikan secara kontrak telah diperkenalkan. SIRIM dan MIMOS akan diperbadankan pada tahun 1996. Institusi penyelidikan, termasuk universiti tempatan, kini diiktiraf sebagai Institusi Penyelidikan Yang Diluluskan di bawah Akta Cukai Pendapatan. Bermakna syarikat yang menjalankan aktiviti P & P di institusi berkenaan, akan dibenarkan di antara lain, potongan dua kali bagi perbelanjaan P & P itu.

Pelan Tindakan Nasional digubal untuk Pembangunan Teknologi Industri. Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia ditubuhkan bagi menerajui usaha-usaha mempercepatkan komersilisasi penemuan penyelidikan. Insentif fiskal, termasuk program untuk meningkatkan teknologi industri kecil dan sederhana telah disediakan untuk menggalakkan usaha P & P.

Malaysia sedang menuju ke era industri aerospace. SME Industries Sdn. Bhd. telah ditubuhkan dan dijangka akan mengeluarkan 4 buah pesawat latihan 2 tempat duduk dengan kos projek RM58.8 juta untuk kegunaan TUDM menjelang akhir tahun ini. Ia juga akan mengeksport pesawat-pesawat tersebut. Negara juga sedang dalam peringkat ujian bagi penggunaan teknologi komposit untuk pembinaan pesawat dan barangan lain.

Projek Fabrikasi Wafer

Projek fabrikasi wafer merupakan langkah strategik bagi pembangunan sektor berteknologi tinggi. Untuk menggalakkan perkembangan fabrikasi wafer, Kerajaan bersedia memberikan beberapa kelonggaran kepada para pelabur termasuk:

- (i) galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan bagi tempoh 10 tahun atau lebih;
- (ii) pemberian khas bagi latihan;
- (iii) penyediaan prasarana yang lebih canggih;
- (iv) pengambilan jurutera dan saintis asing; dan
- (v) lain-lain insentif fiskal.

MENERUSKAN AGENDA PEMBANGUNAN SOSIAL

Strategi Keempat

Bagi tujuan mengadakan program latihan untuk para atlit dan ahli sukan, sebagai persediaan untuk Sukan Komanwel 1998, sejumlah RM300 juta diperuntukkan, termasuk sumbangan Kerajaan dan swasta. Selain dari itu, Kerajaan dengan penglibatan swasta sedang menyediakan prasarana yang cukup dengan kos pelaburan RM721 juta. Walaupun peruntukan dana begitu besar, pengendalian dan pengurusan persatuan-persatuan sukan amatlah mengecewakan. Tindakan segera perlu diambil bagi memperbaiki keadaan ini, termasuk memperkenalkan Akta Sukan untuk menjamin mutu sukan dapat ditingkatkan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Persidangan Wanita di Beijing, menarik perhatian dunia. Bagi kita, isu wanita bukanlah persoalan jantina, sebaliknya masalah keadilan. Kita mendukung hak wanita dalam konteks agama dan

Kebudayaan Asia dan memperjuangkan penyertaan mereka yang positif dalam masyarakat. Sumbangan positif wanita Malaysia begitu kritikal dalam hampir semua sektor. Untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka dalam bidang teknikal dan pengurusan, satu program latihan keusahawanan dan pengurusan akan diwujudkan. Menyedari tuntutan tanggungjawab wanita semakin mencabar, Kerajaan akan menubuhkan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di setiap jabatan Kerajaan (*Tepuk*). Pihak swasta diberikan insentif dan digesa mencontohi langkah ini. Saya juga mencadangkan supaya suami atau isteri diberi pilihan untuk menikmati pelepasan cukai anak dalam pengiraan cukai pendapatan. Ini adalah untuk menjamin keadilan kepada wanita.

Belia

Sesungguhnya jana utama menggerakkan kemajuan sesebuah negara ialah sumber tenaga manusianya, terutama golongan belia. Justeru itu, selain program khusus berterusan yang dikendalikan oleh pelbagai kementerian dan agensi, Kerajaan telah melagang dan menggerakkan Program Rakan Muda mengasuh minat dan mengasah bakat dalam apa jua bidang yang mereka gemari.

Kerajaan berharap melalui program ini, golongan muda akan dapat merapatkan diri mereka kepada budaya produktif, yang boleh membebaskan diri mereka daripada godaan dan belenggu budaya negatif seperti dadah, kecanduan arak, judi dan segala macam kemaksiatan. Adalah menjadi harapan kita, bahawa tujuan mutlak program ini untuk memperkasa budaya akan tercapai bila golongan muda berjaya memupuk minat mereka masing-masing.

Membendung Penyalahgunaan Dadah

Untuk membendung masalah penyalahgunaan dadah, peruntukan

RM33.1 juta disediakan bagi meneruskan pembinaan serta pengurusan pusat pemulihan baru, termasuk pembesaran pusat serenti di Rawang dan Tampoi. Pusat pemulihan ini mampu menempatkan 8,200 orang lagi penagih di samping 24 pusat serenti yang sedia ada yang menampung 16,000 orang penagih. Program pemulihan memberi tumpuan kepada latihan dalam bidang ekonomi. Langkah ini bertujuan membersihkan kawasan awam daripada dibanjiri oleh penagih.

Mengangkat Martabat Masyarakat Desa dan Golongan Miskin

Tuan Yang di-Pertua, masih ada rakyat kita di desa dan pendalaman, yang di gubuk dan di rumah panjang, yang masih belum menikmati "air dalam besi, api dalam kaca, petik di tepi tengah menyala" dan lain-lain prasarana asas. Sejumlah RM6.11 bilion diagihkan bagi pembangunan desa. Jalan kampung, bekalan air, elektrik projek kecil disegerakan. Jalan kampung yang sudah pecah dan berlubang akan diperbaiki segera (*Tepuk*). Untuk ini, RM408.3 juta akan diperuntukkan. Kita juga akan membina jalan yang lebih baik dan tahan lasak. Demikianlah, yang tiada jalan dibuatkan jalan, yang rosak diperbaiki, yang berlobang ditampali, yang lama diperbaharui jumlah ke semua 2,102 km (*Tepuk*). Mulai tahun ini, Kerajaan akan menyediakan peruntukan tahunan, khusus untuk penyelenggaraan jalan-jalan luar bandar, termasuk jalan-jalan di kawasan FELDA, FELCRA, RISDA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah (*Tepuk*). Bagi tahun 1996, RM200 juta diperuntukkan bagi maksud tersebut.

Tahun hadapan, kira-kira 9,000 keluarga desa akan mendapat bekalan air bersih. Sementara jumlah penduduk desa yang dapat menikmati bekalan elektrik juga meningkat. Ini adalah melalui peruntukan sejumlah RM114.7 juta bagi bekalan air luar bandar dan RM129.8

juta untuk elektrik luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Rakan-rakan di estet juga tidak dilupakan. Kira-kira 70 buah estet kecil akan menikmati faedah daripada tambahan bekalan elektrik ini (*Tepuk*). Kerajaan juga akan memastikan sebarang kenaikan kadar tarif elektrik tidak membebankan pengguna.

Sebanyak RM593.6 juta disediakan untuk kesihatan awam, 47 pejabat kesihatan dan pusat kesihatan, 37 klinik desa dan klinik bidan yang baru akan dibina. Aktiviti pencegah dan kawalan malaria, khususnya di Sabah dan kawasan Orang Asli akan dipertingkatkan.

Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah diperuntukkan sebanyak RM206 juta. Antara program yang akan dilaksanakan ialah Program Pembasmian Kemiskinan Di kalangan Orang Asli, Program Rumah-rumah Kebajikan dan Orang Tua, Program Asrama Desa, Program Pembangunan Ekonomi Keluarga dan Kampung dan lain-lain.

Bagi menggalakkan persatuan kebajikan dan sosial membantu pesakit miskin yang memerlukan rawatan, bantuan kewangan kepada persatuan disediakan tahun ini, Kerajaan telah menyumbang RM20 juta kepada Majlis kanser Nasional (MAKNA) dan RM5 juta bagi setiap tahun bagi tempoh lima tahun berikutnya, berasaskan prinsip pembiayaan bersama, dan peruntukan RM3 juta bagi membantu Pusat Dialisis Mawar di Seremban (*Tepuk*). Untuk menyokong usaha-usaha persatuan kebajikan, saya mencadangkan untuk mewujudkan satu tabung dengan peruntukan RM50 juta.

Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah mencatat kejayaan di dalam menggalakkan golongan termiskin berdikari, Kerajaan akan menyalurkan sejumlah RM75 juta lagi untuk modal pusingan bagi program tersebut. Di samping itu, Program Bakti Desa akan dilancarkan untuk melibatkan

sektor korporat dalam usaha membasmi kemiskinan. Tertakluk kepada syarat-syarat, potongan dalam pengiraan cukai pendapatan akan diberikan kepada syarikat swasta yang menyumbang kepada projek-projek kebajikan dan kemasyarakatan desa.

Perumahan Kos Rendah dan Sederhana

Dalam Belanjawan 1995, Tabung Perumahan Kos Rendah telah ditingkatkan kepada RM2.4 bilion. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam 178,600 rumah kos rendah telah dibina. Sebagai tambahan, sejumlah 83,560 unit lagi telah dibina oleh sektor swasta. Namun demikian, jumlah tersebut masih belum dapat menampung permintaan yang sentiasa meningkat. Pada hari ini, saya mengumumkan tambahan RM1 bilion lagi kepada Tabung ini (*Tepuk*). Sebanyak RM453.8 juta diperuntukkan untuk membiayai perumahan awam kos rendah dan juga membiayai perumahan kakitangan awam. Pembinaan rumah kos sederhana sehingga akhir tahun ini ialah 282,436 unit. Justeru itu, semua pihak terutamanya pemaju harus lebih bertanggungjawab memastikan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana untuk memenuhi keperluan perumahan yang mendesak.

Keprihatinan Terhadap Golongan Dhaif

Kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawab kepada golongan yang kurang bernasib baik, wargatua, cacat, anak-anak yatim atau mangsa penderaan. Sebanyak RM190 juta telah diperuntukkan bagi membiayai program membantu golongan ini. Saya juga mencadangkan pelepasan cukai dinaikkan bagi golongan ini iaitu:

- (i) pelepasan cukai untuk anak cacat dinaikkan dari RM1,600 kepada RM5,000 seorang; (*Tepuk*)

- (ii) pelepasan cukai bagi pembelian alat bantuan asas bagi individu, isteri, anak atau ibu bapa cacat dinaikkan dari had maksimum RM3,000 kepada RM5,000; (*Tepuk*)

- (iii) pelepasan cukai untuk perbelanjaan perubatan ibu bapa dinaikkan dari had maksimum RM1,000 kepada RM5,000. (*Tepuk*)

Kerajaan memberi perhatian sewajarnya dengan niat bukan sahaja untuk meringankan beban dan tanggungjawab pihak penjaga golongan dhaif, tetapi juga untuk menambat hati masyarakat keseluruhan menghormati ibu bapa dan wargatua dan menghayati prinsip masyarakat penyayang. Moga-moga kisah seperti Si Tenggang dan Si Malim Kundang tidak berulang dalam masyarakat kita.

Pemuliharaan Alam Sekitar

Pemuliharaan alam sekitar akan terus menjadi agenda penting dalam proses pembangunan negara. Penerokaan hutan berleluasa penggondolan bukit bukau secara wewenang, pencemaran air oleh bahan toksid menjadi masalah kepada alam sekitar kita. Negara sekali lagi telah dikejutkan dengan kejadian tanah runtuh di jalan Genting Highlands, banjir kilat dan masalah pembuangan sisa minyak di perairan negara. Kita perlu mengambil iktibar daripada mala petaka yang terdahulu, apatah lagi berikhtiar sedaya upaya untuk mengelakkannya. Kesedaran yang sama diperlihatkan tatkala menangani isu antarabangsa. Semalam, rakyat Malaysia dari semua parti politik mencapai kata sepakat mengutuk ujian nuklear Perancis. (*Tepuk*)

Program pemuliharaan alam sekitar

diberi peruntukan RM47.7 juta. Untuk memperhebatkan keberkesanan penguatkuasaan alam sekitar dan memastikan setiap projek pembangunan mendapat kelulusan di bawah kajian (EIA), Kerajaan akan mengemukakan cadangan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Melalui pindaan ini, denda kerana pelanggaran peraturan ditambah termasuk kuasa menutup kilang yang melanggar peraturan alam sekitar. (*Tepuk*) Kilang-kilang akan dikehendaki mengadakan audit persekitaran. Saya mencadangkan supaya dalam pengiraan cukai pendapatan elaun modal berhubung dengan perbelanjaan ke atas alat kelengkapan alam sekitar dibenar dituntut dalam tempoh tiga tahun. Sebanyak RM183.2 juta diperuntukkan bagi memperbaiki sistem perparitan di bandar dan pencegahan hakisan pantai dan pengindahan sungai. RM100 juta disediakan untuk pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan program tebatan banjir.

PROSPEK DAN CABARAN

Ekonomi dunia pada tahun 1996 dijangka terus berkembang pada kadar 4 peratus, didorong sebahagian besarnya oleh ketangkasan negara membangun, terutama Asia Timur. Sebaliknya, pertumbuhan negara perindustrian dijangka rendah sedikit disebabkan oleh ekonomi Amerika Syarikat dan Eropah berkembang perlahan. Prospek pemulihan ekonomi Jepun pula semakin menggalakkan. Perkembangan perdagangan dunia dijangka terus kukuh, terutama di kalangan negara membangun serta negara-negara peralihan. Berikutan dasar kewangan dan fiskal yang tegas, kadar inflasi di negara-negara industri dijangka rendah, yakni 2.7 peratus sahaja.

Dengan asas yang kukuh dan suasana ekonomi antarabangsa yang menggalakkan, dijangka akan

memudahkan Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada tahun hadapan. Oleh itu, kita menjangka kadar pertumbuhan ekonomi negara tahun hadapan diimbangi sebaik mungkin pada kadar 8.5 peratus. Sektor perkilangan diramal mencatat pertumbuhan sebanyak 13.3 peratus, pembinaan 11.8 peratus dan perkhidmatan 8.1 peratus. Perkembangan sektor swasta terus kukuh dan pelaburan swasta menyumbang 16.2 peratus kepada pertumbuhan KNK. Kita yakin pendirian yang diambil akan menjadi landasan kukuh untuk meluru ke tahap yang menjamin kesinambungan kejayaan gemilang. Kadar pertumbuhan ini akan membolehkan kita menangani cabaran semasa, khususnya:

- (i) akaun perdagangan dijangka kembali pulih, dengan mencatat lebihan RM1.4 bilion;
- (ii) kedudukan imbangan pembayaran dijangka bertambah baik dengan defisit akaun semasa berkurangan kepada 7.5 peratus dari KNK; dan
- (iii) inflasi dijangka dapat terus dibendung di tahap yang lebih rendah.

Tahun ini merupakan tahun terakhir Rancangan Malaysia Keenam. Dalam tempoh tersebut, negara telah mencatatkan pertumbuhan purata sebanyak 8.7 peratus setahun, 1.2 mata peratus lebih tinggi daripada yang diramalkan. Oleh itu, dengan pencapaian ini, Malaysia berada pada asas yang lebih kukuh untuk merencana Rancangan Malaysia Ketujuh. Melalui pelaksanaan perancangan dan pendekatan baru ekonomi dalam Rancangan Malaysia Keenam, kita telah mengatasi masalah besar seperti pengangguran, beban hutang luar dan defisit kewangan. Sektor pembuatan menyerlah, dan kita meneroka ke bidang teknologi tinggi.

Ekonomi negara mesti berdepan dengan masalah terbesar iaitu kelembapan sektor perkhidmatan. Memajukan sektor perkhidmatan bermakna kita perlu melakukan transformasi, termasuk penggantian import, dan dengan agresif memulakan eksport dalam bidang perkhidmatan. Kita tidak boleh selamanya bergantung kepada sektor pembuatan yang konvensional dan kepada pengeksportan barang buatan tidak pelbagai bagi mempertahankan kepentingan ekonomi kita di pasaran dunia.

Pelaksanaan keputusan WTO, termasuk dalam bidang perkhidmatan, bukan sekadar untuk membuka pasaran tempatan untuk saingan dari luar tetapi memberi peluang kepada kita untuk mengeksport perkhidmatan. Sektor swasta telah meneroka pasaran baru. Namun sektor perkhidmatan termasuk institusi kewangan juga harus melebarkan jaringan ke rantau lain. Ketrampilan kita di industri perbankan dan kewangan, misalnya, boleh dieksport ke negara yang sedang membangun secara kerjasama atau perkongsian. Usaha ini akan membantu merealisasikan hasrat Perdana Menteri yang ingin membina jaringan kerjasama Selatan-Selatan.

Segala insentif untuk sektor perkhidmatan yang dicadangkan dalam Belanjawan ini, bertujuan untuk menonjolkan sektor perkhidmatan di tengah-tengah gelanggang antarabangsa. Ini kerana, bagi mencapai cita-cita menjadi negara maju, ekonomi Malaysia mesti bergerak ke tahap di mana hasil dari sektor perkhidmatan mengatasi hasil sektor pembuatan. Andaikata proses ini gagal digerakkan dengan gigih dan berencana, dan cabaran ini tidak disambut di pihak sektor swasta dengan tabah dan cekal, maka bererti kita menempah kemunduran.

PENUTUP

Tuan Yang di-Pertua, lebih dua alaf atau millenium yang lalu, Kautilya,

seorang negarawan benua India, menulis sebuah buku panduan pemerintahan dan pengurusan ekonomi yang bernama Artha-Shastra. Menurut beliau tanggungjawab raja atau pemerintah ialah: "Menjadikan kebahagiaan rakyat sebagai kebahagiaan pemerintah, kebajikan rakyat sebagai kebajikan pemerintah; apa yang menggembirakan pemerintah bukan kegembiraan sebenar, melainkan apa yang menggembirakan rakyat itu sendiri." Dengan semangat yang sama, filsuf China Meng Tse menegaskan bahawa: "Apabila pemerintah bergembira dengan kegembiraan rakyat, rakyat pula akan bergembira dengan kegembiraan pemerintah". Dengan izin (Dalam bahasa Cina) (*Ketawa*)

Kesatuan antara cita-cita rakyat dengan cita-cita pemerintah merupakan tahap unggul sesuatu organisasi kenegaraan. Melalui program pembangunan, Kerajaan berusaha menterjemahkan hasrat dan cita-cita murni rakyat sehingga menjadi kenyataan, iaitu cita-cita membangun baldatun tayyibatun rabbun ghafur, negara makmur yang diberkati Allah s.w.t. yakni negara yang adil, penyayang dan menghayati cita-cita murni kemanusiaan.

Demikianlah falsafah pembangunan negara, ia bukan berasaskan kebendaan atau maddiyah semata-mata. Tetapi aspek kebendaan ini sekalipun, tidak kita pandang enteng, kerana kalau negara muflis, rakyat masghul dan melarat, hutang keliling pinggang, pengurusan ekonomi caca merba, cita-cita menjadi khayalan. Tetapi kenyataan sebenar ialah pembangunan Malaysia merangkumi cita-cita murni, mengangkat martabat insan, mengisbatkan kebebasan, mencabut dan membasmi keonaran di tengah-tengah masyarakat, mencerminkan ketinggian akal budi. Inilah yang kita maksudkan dengan pembinaan masyarakat madani. Watak inilah yang memungkinkan

Malaysia menjadi suara dhamir, hati nurani masyarakat terpinggir dan masyarakat tertindas di dunia.

Ketampanan politik menyebabkan kita kini kian matang ke arah mewujudkan suatu permuafakatan nasional untuk menentang secara total sebarang bentuk politik perkauman dan kejumudan. Selaras itu, Kerajaan berharap tunjang integrasi nasional untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang sempurna seperti yang diilhamkan oleh Wawasan, akan bertambah mantap. Sehubungan itu, Kerajaan akan melancarkan Dana atau tabung Wawasan 2020, untuk memberi peluang kepada golongan muda menunjukkan kesepakatan dan turut melabur untuk kepentingan masa depan mereka.

Alkisah, ini tidak bermakna tidak berlaku dari masa ke masa percubaan untuk mengeruhkan air yang jernih dan meretakkan kesatuan pucuk pimpinan negara, supaya mereka yang mendalangi percubaan itu dapat pula menangguk di air yang keruh. Sesungguhnya kita tidak lalai dan alpa, seperti juga kebanyakan orang tidak lalai dan alpa, terhadap siapa dan apa kepentingan mereka sebenarnya. Seperti kata pepatah Minang, "Dalam sudah keajukan, dangkal sudah keseberangan".

Ketika yang sama, jangan pula kita menjadi burung kakak tua kepada media asing. Kedudukan imbangan pembayaran digambarkan seperti ekonomi Malaysia akan menjadi rebut seperti Mexico, dan keadaan politik begitu gawat. Ini bukanlah kali pertama mereka membuat ramalan songsang terhadap Malaysia dan bahawa akan dicengkam krisis. Sebaliknya, ekonomi Malaysia alhamdulillah terus subur, politik kian stabil dan matang (*Tepuk*) Walhasil, bukan kemampuan kita

mengurus politik dan ekonomi yang menjadi persoalan, tetapi kewibawaan para kembiri politik yang menjadi laporan media asing sebagai sumber maklumat mereka. Alangkan gelombang besar bisa diharungi, inikan pula riak nan kecil. (*Tepuk*)

Kerajaan amat menghargai sokongan rakyat terutama golongan pekerja yang sentiasa mengamalkan etika kerja yang tinggi dan juga keamanan perindustrian, hatta membolehkan negara mencapai prestasi ekonomi membanggakan. Kita turut menyanjungi pengorbanan pasukan keselamatan dalam menjaga keamanan dan mengharumkan nama negara di kalangan masyarakat dunia. Sebagai menghargai khidmat pegawai dan jentera Kerajaan seluruhnya, pasukan keselamatan, para pendidik termasuk pekerja kontrak, sambilan dan sementara, saya mencadangkan bonus satu bulan gaji kepada mereka, (*Tepuk*) dengan kadar minimum RM600, iaitu kira-kira satu bulan setengah gaji bagi kumpulan gaji terendah. (*Tepuk*) Kerajaan menyediakan hampir RM1 bilion untuk tujuan tersebut. Belanjawan ini juga menawarkan RM2 bilion untuk pelarasan gaji. Bagaimanapun keputusan muktamad mengenainya akan diputuskan oleh Perdana Menteri setelah mengadakan perjumpaan dengan wakil CUEPACS minggu hadapan. Setelah mengambilkira pelarasan gaji dan bonus kita masih alhamdulillah mempunyai lebihan akaun Kerajaan Persekutuan hanyalah RM500 juta. (*Ketawa*)

Kita berharap mutu perkhidmatan dan kecekapan pengurusan, terutama pengurusan kewangan institusi Kerajaan akan bertambah kemas. Kita tidak boleh sekali-kali bersikap enteng dan halai-balai dalam pengurusan kerana ini boleh menyebabkan berlaku pembaziran ke atas sumber-sumber ekonomi negara. Ini

adalah kerana pentadbiran Kerajaan adalah benteng utama yang melindungi hak dan kepentingan rakyat. Benteng ini harus diawasi agar tidak ditembusi oleh orang-orang yang umpama air mudik sungai, semua teluk diranai.

Pembelaan kepentingan negara menjangkau usaha gigih meneguhkan kedudukan Malaysia di khalayak antarabangsa. Pada tahun ini juga, sekali lagi yang dikasihi Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya menarik perhatian dunia, terutama negara-negara membangun, di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu apabila beliau dengan tegas mendesak supaya struktur Pertubuhan tersebut dirubah agar perjuangannya berteraskan keadilan sejagat dan tidak diwarnai oleh kepentingan kelompok negara kaya. *(Tepuk)*

Dan pada persidangan kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali atau NAM yang baru berakhir di Colombia, Perdana Menteri juga mempertahankan peranan NAM dan mencadangkan Pergerakan itu menjadi forum yang lebih berkesan dengan agenda ekonomi yang jelas.

Alhamdulillah, masyarakat Malaysia telah bersedia. Belanjawan 1996 akan disusuli oleh Rancangan Malaysia Ke 7 yang bakal dilancarkan oleh Perdana Menteri awal tahun hadapan. Rakyat Malaysia telah mustaid untuk menjayakan rancangan tersebut dan dengan rancangan itulah bangsa Malaysia akan maju dan mansang untuk memasuki alaf yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. *(Tepuk)*

Menteri Pengangkutan (Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya di dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM14,200,768,500 (Ringgit Malaysia empat belas bilion, dua ratus juta, tujuh ratus enam puluh lapan ribu, lima ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1996, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1996 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 23 Tahun 1995, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.”

diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kerja Raya (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang

Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66(3), perbahasan di atas usul-usul bagi bacaan kali yang kedua atas Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Usul Anggaran Pembangunan 1996 hendaklah ditangguhkan pada suatu tarikh tidak kurang daripada dua hari setelah usul-usul tersebut dicadang dan disokong. Oleh yang demikian, mesyuarat Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Isnin, 30hb. Oktober, 1995.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.

BELANJAWAN 1996

LAMPIRAN I

MENAIKKAN KADAR POTONGAN MAKSIMUM YANG DIBENARKAN KE ATAS CARUMAN MAJIKAN KEPADA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP) ATAU LAIN-LAIN SKIM YANG DILULUSKAN

Pada masa ini, caruman mandatori yang perlu dibuat oleh majikan kepada KWSP adalah 12 peratus daripada gaji hakiki bulanan kakitangan dan dibenarkan sebagai potongan kepada majikan bagi tujuan cukai pendapatan. Bagi caruman yang dibuat pada kadar melebihi 12 peratus kepada KWSP ataupun kepada skim yang diluluskan, potongan yang sama dibenarkan kepada majikan tetapi dihadkan kepada paras maksimum 16 peratus sahaja.

Sebagai langkah untuk menggalakkan majikan menyediakan faedah caruman yang lebih besar sebagai simpanan untuk

masa depan kakitangannya serta untuk menggalakkan sektor korporat menubuhkan kumpulan wang pencen persendirian, adalah dicadangkan had maksimum potongan untuk tujuan cukai pendapatan ditingkatkan daripada 16 peratus kepada 17 peratus.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

LAMPIRAN II

KAJIAN SEMULA PENGECEUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS FAEDAH SIMPANAN

Pada masa ini, faedah yang dibayar kepada individu pemastautin ke atas akaun simpanan seperti akaun simpanan di bawah skim "Simpanan Daripada Pendapatan", akaun deposit tetap bagi tempoh 6 bulan (tertakluk kepada had maksimum deposit RM100,000) dan deposit tetap (tanpa had maksimum deposit) bagi tempoh 12 bulan atau lebih yang dengan Bank Simpanan Nasional dan dividen yang dibayar oleh Lembaga Tabung Haji ke atas semua deposit adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Di samping itu, faedah ke atas akaun simpanan dengan syarikat-syarikat koperasi berdaftar, Bank Pertanian Malaysia, Malaysia Building Society Berhad, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, lain-lain bank dan syarikat kewangan serta keuntungan ke atas mana-mana akaun simpanan di bawah skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) dengan sesuatu bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (BAFIA) adalah juga dikecualikan daripada cukai pendapatan tertakluk kepada had maksimum deposit RM50,000.

Sebagai langkah untuk meningkatkan tabungan terutama sekali tabungan jangka panjang adalah dicadangkan:

- (i) pengecualian cukai ke atas faedah dari akaun simpanan dinaikkan dari deposit berjumlah RM50,000 kepada RM100,000 bagi deposit dengan syarikat-syarikat koperasi berdaftar, Bank Pertanian Malaysia, Malaysia Building Society Berhad, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, lain-lain bank dan syarikat kewangan;
- (ii) pengecualian cukai pendapatan ke atas faedah dari deposit sehingga RM100,000 diperluaskan kepada akaun deposit tetap bagi tempoh kurang daripada 12 bulan;
- (iii) pengecualian cukai pendapatan di beri ke atas faedah dari akaun deposit tetap yang tempohnya 12 bulan atau lebih tanpa dihadkan kepada jumlah deposit; dan
- (iv) faedah yang diperolehi oleh individu dan syarikat bukan pemastautin daripada deposit dengan syarikat-syarikat kewangan Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi menyamakan kedudukan dengan layanan cukai ke atas faedah dari deposit dengan seseorang yang menjalankan perniagaan perbankan di Malaysia.

Adalah juga dicadangkan supaya pengecualian di perenggan (i), (ii) dan (iii) di atas diperluaskan kepada keuntungan yang diperolehi dari akaun simpanan atau akaun

pelaburan di bawah Skim Perbankan Tanpa Faedah.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996.

LAMPIRAN III

KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU

Pada masa ini, kadar cukai pendapatan individu yang bermastautin adalah di antara 0 peratus hingga 32 peratus dan terdiri daripada 10 kumpulan pendapatan bercukai. Sebagai langkah untuk menyelaraskan kadar maksimum cukai pendapatan individu dengan kadar cukai pendapatan syarikat, mengurangkan beban cukai dan meningkatkan kegigihan daya kerja, adalah dicadangkan kadar-kadar cukai pendapatan individu dikurangkan seperti berikut:

Kumpulan Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Sekarang (%)	Kadar Dicadangkan (%)
1 - 2,500	0	0
2,501 - 5,000	3	2
5,001 - 10,000	6	4
10,001 - 20,000	7	6
20,001 - 35,000	12	10
35,001 - 50,000	18	16
50,001 - 70,000	23	21
70,001 - 100,000	28	26
100,001 - 150,000	31	29
Melebihi 150,000	32	30

Jadual I menunjukkan pengurangan jumlah cukai pendapatan individu mengikut kumpulan pendapatan berikutan cadangan di atas.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

**Cukai Pendapatan Individu Yang Kena Dibayar Di Bawah Struktur Cukai
Sekarang Dan Yang Dicadangkan**

<i>Kum. Berpendapatan Bercukai (RM)</i>	<i>Kadar Cukai Yang Dicadangkan (RM)</i>	<i>Jumlah Cukai Sekarang</i>	<i>Jumlah Cukai Yang Dicadangkan</i>	<i>Jumlah Cukai Yang Dikurangkan (RM)</i>	<i>(%)</i>
1 - 2,000	0% di atas yang pertama	2,500	0	0	0
2,501 - 5,000	2% di atas yang berikut	<u>2,500</u>	<u>75</u>	<u>50</u>	<u>33.3</u>
	Di atas yang pertama	5,000	75	50	33.3
5,001 - 10,000	4% di atas yang berikut	<u>5,000</u>	<u>300</u>	<u>200</u>	<u>33.3</u>
	Di atas yang pertama	10,000	375	250	33.3
10,001 - 20,000	6% di atas yang berikut	<u>10,000</u>	<u>700</u>	<u>600</u>	<u>14.3</u>
	Di atas yang pertama	20,000	1,075	850	20.9
20,000 - 35,000	10% di atas yang berikut	<u>15,000</u>	<u>1,800</u>	<u>1,500</u>	<u>16.7</u>
	Di atas yang pertama	35,000	2,875	2,350	18.3
35,001 - 50,000	16% di atas yang berikut	<u>15,000</u>	<u>2,700</u>	<u>2,400</u>	<u>11.1</u>
	Di atas yang pertama	50,000	5,575	4,750	14.8
50,001 - 70,000	21% di atas yang berikut	<u>20,000</u>	<u>4,600</u>	<u>4,200</u>	<u>8.7</u>
	Di atas yang pertama	70,000	10,175	8,950	12.0
70,001 - 100,000	26% di atas yang berikut	<u>30,000</u>	<u>8,400</u>	<u>7,800</u>	<u>7.14</u>
	Di atas yang pertama	100,000	18,575	16,750	9.8
100,000 - 150,000	29% di atas yang berikut	<u>50,000</u>	<u>15,500</u>	<u>14,500</u>	<u>6.5</u>
	Di atas yang pertama	150,000	34,075	31,250	8.3
Melebihi 150,000	30%				

LAMPIRAN IV

**KAJIAN SEMULA
PELEPASAN CUKAI
PENDAPATAN INDIVIDU**

Dalam menentukan pendapatan bercukai seseorang individu pemastautin, sejumlah pelepasan cukai adalah diberi bagi meringankan beban cukai yang kena dibayar. Pelepasan-pelepasan cukai bagi maksud cukai pendapatan seperti berikut adalah dicadangkan untuk dikaji semula.

Pelepasan Cukai Untuk Anak Cacat

Pada masa ini, pelepasan cukai untuk anak cacat adalah RM1,600 seorang. Adalah diketahui umum kos penjagaan dan pemeliharaan anak-anak cacat adalah lebih tinggi kerana keadaan mereka yang tidak mampu berdikari sepenuhnya. Sebagai langkah bagi meringankan kos pembiayaan anak cacat, adalah dicadangkan pelepasan anak cacat dinaikkan dari RM1,600 kepada RM5,000 seorang bagi maksud cukai pendapatan.

Pelepasan Cukai Untuk Premium Insurans/Takaful Berkenaan Dengan Insurans Perubatan Dan Pendidikan

Pada masa ini, had maksimum pelepasan cukai bagi sumbangan kepada skim kumpulan pencen yang diluluskan dan caruman kepada premium insurans atau takaful adalah sebanyak RM5,000. Caruman kepada premium insurans atau takaful adalah dihadkan kepada mereka yang mengambil skim insurans nyawa sahaja. Bagi menggalakkan tabungan bagi tujuan pendidikan dan perubatan serta untuk membangun industri pendidikan dan rawatan kesihatan, adalah dicadangkan pelepasan cukai sebanyak RM2,000 diberi khusus kepada premium insurans atau takaful berkenaan dengan insurans perubatan dan insurans pendidikan.

Pilihan Untuk Menikmati Pelepasan Anak Oleh Suami Atau Isteri

Pada masa ini, pelepasan cukai anak sebanyak RM800 seorang telah diberi kepada pembayar cukai tanpa menghadkan bilangannya. Pelepasan ini dibenarkan untuk dituntut oleh suami sahaja. Isteri hanya dibenarkan untuk menuntut pelepasan ini jika ia telah berpisah mengikut peraturan undang-undang dan mendapat hak penjagaan anak. Bagi mengiktiraf suami isteri sebagai satu pihak yang sama-sama bertanggungjawab kepada penjagaan anak, adalah dicadangkan suami isteri diberi kebebasan untuk menentukan pihak yang akan menuntut pelepasan anak. Apa-apa keputusan yang dibuat adalah muktamad bagi sesuatu tahun taksiran.

Pelepasan Perubatan Ibu Bapa

Pada masa ini, pelepasan perubatan ibu bapa sehingga had maksimum RM1,000 adalah diberi bagi maksud cukai pendapatan. Bagi meringankan beban pembayar cukai yang menanggung perbelanjaan perubatan ibu bapa mereka, adalah dicadangkan pelepasan cukai untuk

perbelanjaan perubatan ibu bapa dinaikkan dari had maksimum RM1,000 kepada RM5,000.

Pelepasan Pembelian Alat Bantuan Asas Bagi Individu, Isteri, Anak atau Ibu Bapa Cacat

Pada masa ini, pelepasan cukai kepada individu yang membeli alat bantuan asas untuk diri mereka, isteri, anak atau ibu bapa cacat adalah dibeli sehingga had maksimum RM3,000. Adalah dicadangkan pelepasan cukai bagi pembelian alat bantuan asas bagi individu, isteri, anak atau ibu bapa cacat dinaikkan dari had maksimum RM3,000 kepada RM5,000.

Cadangan-cadangan di atas berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

LAMPIRAN V

MENGENAL SEMULA KADAR CUKAI PENDAPATAN KOPERASI

Pada masa ini, kadar cukai pendapatan koperasi adalah di antara 1 peratus hingga 32 peratus. Sebagai langkah untuk mengurangkan beban cukai yang ditanggung oleh koperasi dan untuk menggalakkan koperasi memainkan peranan lebih aktif dalam ekonomi negara, adalah dicadangkan kadar cukai pendapatan koperasi dikurangkan seperti berikut:

Kumpulan Pendapatan Bercukai (RM)	Kadar Cukai Sekarang (%)	Kadar Cukai Dicapadangkan (%)
1 - 10,000	1	0
10,001 - 20,000	3	2
20,001 - 30,000	6	5
30,001 - 40,000	9	8
40,001 - 50,000	12	11
50,001 - 75,000	16	14
75,001 - 100,000	20	18
100,001 - 150,000	24	22
150,001 - 250,000	27	25
250,001 - 500,000	30	28
Melebihi 500,000	32	30

Jadual I menunjukkan pengurangan jumlah cukai pendapatan koperasi mengikut kumpulan pendapatan bercukai berikutan cadangan di atas.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

Cukai Pendapatan Individu Yang Kena Dibayar Di Bawah Struktur Cukai Sekarang Dan Yang Dicapangkan

<i>Kum. Berpendapatan Bercukai (RM)</i>	<i>Kadar Cukai Yang Dicapangkan (RM)</i>	<i>Jumlah Cukai Sekarang</i>	<i>Jumlah Cukai Yang Dicapangkan</i>	<i>Jumlah Cukai Yang Dikurangkan (RM)</i>	<i>(%)</i>
1 -10,000	0% di atas yang pertama 10,000	100	0	100	100.0
10,001 -20,000	2% di atas yang berikut Di atas yang pertama 20,000	300 400	200 200	100 200	33.3 50.0
20,001 -30,000	5% di atas yang berikut Di atas yang pertama 30,000	600 1,000	500 700	100 300	16.7 30.0
30,001 -40,000	8% di atas yang berikut Di atas yang pertama 40,000	900 1,900	800 1,500	100 400	11.1 21.1
40,000 -50,000	11% di atas yang berikut Di atas yang pertama 50,000	1,200 3,100	1,100 2,600	100 500	8.3 16.1
50,001 -75,000	14% di atas yang berikut Di atas yang pertama 75,000	4,000 7,100	3,500 6,100	500 1,000	12.5 14.1
75,001 -100,000	18% di atas yang berikut Di atas yang pertama 100,000	5,000 12,100	4,500 10,600	500 1,500	10.0 12.4
100,001 -150,000	22% di atas yang berikut Di atas yang pertama 150,000	12,000 24,100	11,000 21,600	1,000 2,500	8.3 10.4
150,001 -250,000	25% di atas yang berikut Di atas yang pertama 250,000	27,000 51,000	25,000 46,600	2,000 4,500	7.4 8.8
250,001 -500,000	28% di atas yang berikut Di atas yang pertama 500,000	75,000 126,100	70,000 116,600	5,000 9,500	6.7 7.5
Melebihi 500,000	30%				

LAMPIRAN VI

GALAKAN ELAUN PELABURAN
SEMULA

Pada masa ini galakan Elaun Pelaburan Semula (EPS) adalah diberi kepada syarikat perkilangan yang menjalankan aktiviti pembesaran, pemodenan dan pelbagaian. Kadar EPS adalah 50 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak. Elaun ini adalah diberi di peringkat pendapatan larasan dan ianya boleh digunakan sepenuhnya (tanpa sekatan) bagi tujuan menikmati pengecualian cukai pendapatan.

Bagi menggalakkan pengeluaran bahan makanan adalah dicadangkan EPS diperluaskan kepada sektor pengeluaran bahan makanan penting seperti berikut:

- (a) padi,
- (b) jagung,
- (c) sayur-sayuran,
- (d) buah-buahan,
- (e) ubi-ubian,
- (f) ternakan haiwan,
- (g) ternakan hidupan air, dan
- (h) lain-lain aktiviti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Untuk tujuan pemberian galakan ini, perbelanjaan modal yang layak bermaksud:

- (a) pembersihan dan penyediaan tanah;
- (b) penanaman;
- (c) penyediaan sistem tali air dan perparitan;
- (d) pembelian jentera dan kelengkapan;
- (e) pembinaan jalan masuk termasuk jambatan;
- (f) pembinaan atau pembelian bangunan (termasuk bangunan yang disediakan untuk tujuan

kebajikan dan tempat tinggal pekerja) dan pembaikan struktur di atas tanah atau struktur-struktur yang lain.

Bagi menyelaraskan kaedah pemberian EPS dengan Elaun Cukai Pelaburan (ECP), adalah dicadangkan:

- (a) kadar EPS dinaikkan daripada 50% kepada 60%.
- (b) kaedah pemberiannya dipinda di mana elaun berkenaan akan dipotong daripada pendapatan berkanun dan tidak lagi daripada pendapatan larasan. Di samping itu pemakaian elaun bagi setiap tahun taksiran adalah dihadkan sehingga 70% daripada pendapatan berkanun. Baki pendapatan berkanun itu akan dikenakan cukai pendapatan mengikut kadar semasa. Elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah tersebut digunakan.
- (c) syarikat yang melabur semula di kawasan yang digalakkan iaitu di koridor pantai timur Semenanjung Malaysia¹, Sabah dan Sarawak, akan dibenarkan menggunakan elaun ini untuk mendapat pengecualian cukai bagi satu-satu tahun taksiran.

Cadangan ini berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1997.

LAMPIRAN VII

LEVI KE ATAS PEMBELIAN
HARTA TANAH
OLEH KEPENTINGAN ASING

Pada masa ini, kepentingan asing adalah dibenarkan memiliki harta tanah di Malaysia seperti bangunan komersial, rumah banglo atau kondominium yang

¹ Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang, tidak termasuk daerah-daerah Kuala Lipis, Raub, Jerantut dan Cameron Highlands (kecuali bagi mana-mana kawasan perindustrian yang telah diluluskan dalam daerah berkaitan) dan daerah Mersing, Johor.

bernilai RM250,000 dan ke atas. Sebagai langkah untuk mengawal pembelian harta tanah oleh kepentingan asing, adalah dicadangkan supaya suatu levi dengan kadar RM100,000 dikenakan ke atas pembelian harta tanah oleh kepentingan asing. Kutipan levi akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai Hari Belanjawan.

LAMPIRAN VIII

KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) adalah merupakan cukai ke atas keuntungan disebabkan oleh pelupusan harta tanah. Tujuan CKHT ialah untuk mencegah spekulasi atas harta tanah. Selaras dengan tujuan ini kadar CKHT adalah berbentuk regresif bergantung kepada tempoh harta tanah itu dipegang. Pada masa ini, harga harta tanah telah melambung naik terutamanya disebabkan peningkatan pendapatan di kalangan rakyat Malaysia, pembelian harta tanah oleh orang asing dan elemen-elemen spekulasi.

Sebagai langkah untuk mencegah spekulasi ke atas harta tanah adalah dicadangkan kadar CKHT dinaikkan seperti berikut:

Cukai Keuntungan Harta Tanah (Syarikat dan Individu)

Pelupusan	Kadar Sekarang (%)	Kadar Dicadangkan (%)
Pelupusan dalam tempoh dua tahun Selepas diperolehi	20	30
Pelupusan dalam tahun ketiga	15	20
Pelupusan dalam tahun keempat	10	15
Pelupusan dalam tahun kelima	5	5

Pelupusan dalam tahun keenam dan seterusnya—

Syarikat	5	5
Individu	0	0

Bagi individu yang bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, cukai keuntungan harta tanah dicadangkan dikena pada kadar tetap 30 peratus tanpa mengambil kira tempoh harta tanah itu dimiliki.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai Hari Belanjawan.

LAMPIRAN IX

PENGECCUALIAN CUKAI KE ATAS FAEDAH DARI BON

Pada masa ini, faedah yang diperolehi oleh syarikat tempatan atau asing dan amanah unit daripada bon dikenakan cukai pendapatan pada kadar cukai korporat (30%). Pengecualian cukai pendapatan atas faedah hanya diberi kepada individu sama ada pemastautin atau bukan pemastautin seperti diperuntukkan di bawah perenggan 33, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 berkaitan dengan sekuriti/bon yang dikeluarkan oleh Kerajaan, bon (selain daripada stok pinjaman yang boleh ditukarkan) yang dikeluarkan oleh syarikat awam yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, bon (selain daripada stok pinjaman yang boleh ditukarkan) yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang dinilai (rated) oleh Rating Agency Malaysia Bhd. dan Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi menggalakkan pembangunan pasaran bon, usaha-usaha perlulah diambil untuk menggalakkan pelaburan di dalam 'Private Debt Securities' (PDS) dan bon-bon di kalangan pelabur-pelabur yang berpotensi dari dalam dan luar negeri. Selaras dengan matlamat tersebut, adalah disyorkan layanan pengecualian cukai ke atas faedah yang diperolehi daripada

bon-bon yang tersebut di perenggan di atas diperluaskan kepada 'closed-end funds' yang tersenarai dan Amanah-Amanah Unit Malaysia dan asing.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

LAMPIRAN X

GALAKAN CUKAI BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN

Pada masa sekarang, hanya beberapa aktiviti terpilih sahaja daripada sektor perkhidmatan iaitu perhotelan, pelancongan dan perkapalan menikmati galakan cukai. Kerajaan menyedari kepentingan sektor perkhidmatan dan sumbangannya kepada kemajuan ekonomi negara. Dalam hubungan ini adalah dicadangkan supaya galakan cukai diperluaskan kepada aktiviti-aktiviti terpilih dalam subsektor komunikasi, kemudahan awam dan pengangkutan dalam sektor perkhidmatan yang dikenali sebagai Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan (PPL).

Galakan cukai utama yang dicadangkan untuk PPL adalah samada pengecualian cukai di bawah Seksyen 127 atau Elaun Pelaburan (EP) di bawah Jadual 7B, Akta Cukai Pendapatan 1967. Jenis dan kadar pengecualian yang layak dipertimbangkan di bawah kedua-dua alternatif, tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan adalah seperti berikut:

(i) Pengecualian Cukai di Bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967

Syarikat PPL akan dikecualikan daripada cukai pendapatan di antara 70 peratus hingga 100 peratus di peringkat pendapatan berkanun untuk tempoh 5 hingga 10 tahun daripada tarikh pertama pendapatan diperolehi berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan.

Jenis-jenis pengecualian adalah seperti berikut:

- (a) pengecualian cukai sebanyak 70 peratus ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun. Baki 30 peratus daripada pendapatan berkanun adalah tertakluk kepada cukai pendapatan pada kadar cukai korporat semasa.
- (b) pengecualian cukai sebanyak 85 peratus ke atas pendapatan berkanun selama 5 tahun bagi syarikat yang melaksanakan projek di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan yang dikenali sebagai Koridor Timur di Semenanjung Malaysia. Baki 15 peratus daripada pendapatan berkanun adalah tertakluk kepada kadar cukai korporat semasa.
- (c) Pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan berkanun untuk tempoh 10 tahun bagi syarikat yang melaksanakan projek kepentingan nasional dan strategik.

Dividen yang dibayar kepada pemegang saham, daripada pendapatan yang dikecualikan cukai, juga dikecualikan daripada cukai pendapatan. Elaun modal hendaklah dihabiskan dalam tempoh pengecualian cukai. Ini bermakna sebarang elaun modal yang tidak digunakan dalam tempoh tersebut tidak dibenarkan dibawa ke tahun berikutnya, manakala kerugian yang dialami

dalam tempoh pengecualian tidak boleh dibawa ke hadapan.

(ii) **Elaun Pelaburan (EP) Di Bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967**

Di bawah EP, syarikat akan dipertimbangkan elaun di antara 60 peratus hingga 100 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak untuk tempoh 5 tahun mulai tahun pertama perbelanjaan modal yang layak dibuat. Jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun ialah di antara 70 peratus hingga 100 peratus daripada pendapatan berkanun berdasarkan kepada kriteria yang ditetapkan. Jenis-jenis elaun adalah seperti berikut:

- (a) EP sebanyak 60 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 70 peratus daripada pendapatan berkanun.
- (b) EP sebanyak 80 peratus daripada perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran dihadkan kepada 85 peratus daripada pendapatan berkanun. Elaun ini boleh dipertimbangkan kepada syarikat yang melaksanakan PPL di Sabah, Sarawak dan kawasan-kawasan yang dikenali sebagai Koridor Timur di Semenanjung Malaysia.
- (c) EP sebanyak 100 peratus daripada perbelanjaan

modal yang layak dalam tempoh 5 tahun dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi setiap tahun taksiran tidak dihadkan. Elaun ini boleh dipertimbangkan kepada syarikat yang melaksanakan projek PPL kepentingan nasional dan strategik.

Dividen yang dibayar kepada pemegang saham daripada pendapatan yang dikecualikan cukai juga dikecualikan daripada cukai pendapatan. Elaun modal yang belum terpakai boleh dibawa ke tahun taksiran berikutnya sehingga selesai walaupun tempoh elaun telah tamat.

Syarikat PPL yang mendapat galakan cukai samada pengecualian cukai atau EP juga boleh menikmati galakan tambahan seperti berikut:

(i) **Elaun Bangunan Perindustrian**

Elaun Bangunan Perindustrian (EBP) yang dicadangkan ialah 10 peratus sebagai elaun permulaan dan 2 peratus elaun tahunan. EBP layak dituntut ke atas perbelanjaan modal untuk membina atau membeli bangunan yang digunakan bagi pengendalian perkhidmatan.

(ii) **Pengecualian Cukai Bagi Bahan Dan Peralatan**

Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan dan peralatan yang diimport oleh sebab tidak dikeluarkan dalam negeri dan juga cukai jualan serta cukai eksais ke atas bahan dan peralatan yang dibeli dari dalam negeri layak dipertimbangkan dengan syarat bahan dan peralatan berkenaan

digunakan secara langsung dalam pelaksanaan PPL. Satu jawatankuasa akan ditubuhkan di Kementerian Kewangan bagi mengkaji permohonan pengecualian cukai termasuk pengecualian cukai mesin, peralatan, bahan dan bahan mentah dan sampel yang digunakan bagi penyelidikan dan pembangunan serta latihan yang dilaksanakan oleh syarikat PPL.

Selain daripada galakan-galakan cukai di atas, beberapa galakan cukai yang lain disediakan bagi seluruh sektor perkhidmatan, iaitu seperti berikut:

(i) Potongan Dua Kali Bagi Perbelanjaan Promosi Eksport Perkhidmatan

Galakan potongan dua kali untuk perbelanjaan yang terlibat dengan promosi eksport perkhidmatan yang dinikmati oleh subsektor perancangan masa kini dicadangkan untuk dipanjangkan kepada seluruh sektor perkhidmatan. Perbelanjaan-perbelanjaan yang layak adalah seperti berikut:

- kajian pasaran eksport;
- penyediaan tender bagi eksport perkhidmatan;
- penyediaan maklumat teknikal;
- tambang kapal terbang keluar negeri bagi pegawai syarikat yang membuat perjalanan untuk tujuan perniagaan dalam perkhidmatan;
- penginapan dan elaun sara hidup di luar negeri tertakluk kepada jumlah maksimum RM200 semalaman untuk penginapan dan RM100 elaun sara hidup;

- kos penyelenggaraan pejabat di luar negeri untuk tujuan promosi perkhidmatan.

(ii) Potongan Dua Kali Bagi Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan dan Latihan

Galakkan potongan dua kali ke atas perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan serta latihan telahpun sedia ada dan terbuka kepada semua sektor termasuk sektor perkhidmatan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

LAMPIRAN XI

**ELAUN BANGUNAN
PERINDUSTRIAN KEPADA
BANGUNAN YANG
DIGUNAKAN BAGI
PENDIDIKAN DAN LATIHAN**

Pada masa ini, Elaun Bangunan Perindustrian (IBA) hanya layak dinikmati oleh bangunan yang diluluskan di antaranya bangunan yang digunakan untuk tujuan menjalankan latihan industri dan teknikal atau latihan vokasional. IBA diberi pada kadar permulaan 10 peratus dan kadar tahunan 2 peratus bagi membolehkan kos bangunan dituntut dalam tempoh 45 tahun. Bangunan yang digunakan untuk tujuan pendidikan adalah tidak layak untuk menuntut IBA.

Sebagai langkah bagi memberi sokongan kepada sektor swasta yang terlibat di dalam penyelidikan kemudahan pendidikan, adalah dicadangkan supaya IBA diperluaskan kepada bangunan yang dibeli atau dibina bagi tujuan pendidikan dengan syarat penubuhan sekolah ataupun institusi pengajian tinggi berkaitan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan atau pihak berkuasa berkaitan. Adalah

juga dicadangkan supaya tempoh untuk mendapatkan IBA dikurangkan dari 45 tahun kepada 10 tahun. Ini bermakna perbelanjaan ke atas pembinaan atau pembelian bangunan berkaitan layak mendapat elaun sebanyak 1/10 daripada perbelanjaan tersebut setiap tahun.

Selaras dengan cadangan pemberian IBA kepada bangunan pendidikan, adalah wajar layanan IBA kepada bangunan yang digunakan untuk latihan teknikal dan vokasional juga diberi layanan yang serupa supaya perbelanjaan untuk membina atau membeli bangunan tersebut dapat dituntut dalam tempoh 10 tahun juga.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

LAMPIRAN XII

POTONGAN BAGI PERBELANJAAN LATIHAN SEBELUM MEMULAKAN PERNIAGAAN

Pada tahun taksiran 1992, melalui Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (potongan bagi latihan yang diluluskan), perbelanjaan latihan untuk pekerja sebelum sesuatu syarikat perkilangan memulakan perniagaan telah diberikan potongan dua kali. Mulai 1 Julai 1993 iaitu dengan berkuatkuasanya Skim Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), Kaedah tersebut telah dipinda untuk menghadkan hanya syarikat perkilangan yang tidak menyumbang kepada HRDF layak diberi potongan dua kali. Oleh kerana HRDF hanya diwajibkan ke atas syarikat-syarikat besar, maka akibat pindaan itu, hanya syarikat perkilangan kecil-kecilan dan sederhana sahaja yang masih layak diberi potongan bagi latihan sebelum memulakan perniagaan.

Adalah dicadangkan perbelanjaan latihan sebelum memulakan perniagaan yang dibuat oleh syarikat-syarikat selain daripada perkilangan kecil-kecilan dan sederhana, dibenarkan sebagai potongan

sekali dalam pengiraan cukai pendapatan syarikat. Cadangan ini dibuat berasaskan pertimbangan berikut:

- (i) negara mengalami masalah kekurangan tenaga kerja mahir. Dalam keadaan ini syarikat-syarikat baru perlu melatih pekerjaanya bagi memastikan ia akan mendapat bekalan tenaga kerja mahir yang cukup apabila beroperasi kelak;
- (ii) latihan ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan menggalakkan program latihan yang sesuai dengan keperluan industri; dan
- (iii) latihan ini juga selaras dengan dasar Kerajaan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta di dalam program latihan teknikal dan vokasional.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

LAMPIRAN XIII

KAJIAN SEMULA ELAUN MODAL BERKENAAN DENGAN PERALATAN KOMPUTER, TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN ALAM PERSEKITARAN

Pada masa kini, kadar elaun modal ditentukan mengikut kaedah "straight line" berdasarkan kos asal aset. Dengan ini elaun tahunan dan pengurangan nilai baki aset adalah sama setiap tahun. Bagi aset yang layak, elaun permulaan pada kadar 20 peratus juga diberi. Kadar elaun modal tahunan ditentukan mengikut jenis klasifikasi industri spesifik dan industri bukan spesifik. Terdapat 15 kelas di bawah industri spesifik dengan 7 kadar-kadar elaun tahunan iaitu 6, 8, 10, 12, 14, 16 dan 20 peratus meliputi sejumlah 120 item aset.

Sebagai langkah untuk menggalakkan penggunaan komputer, membangunkan teknologi maklumat dan memastikan pemuliharaan alam sekitar, adalah dicadangkan:

- (i) aset komputer dan peralatan teknologi maklumat diberi elaun permulaan sebanyak 20 peratus dan elaun tahunan 40 peratus bagi membolehkan elaun modal sepenuhnya dituntut dalam tempoh 2 tahun; dan
- (ii) aset peralatan pemuliharaan alam sekitar diberi elaun permulaan sebanyak 40 peratus dan elaun tahunan 20 peratus bagi membolehkan elaun modal sepenuhnya dituntut dalam tempoh 3 tahun.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1996.

LAMPIRAN XIV

POTONGAN CUKAI BAGI SUMBANGAN KEPADA PROJEK-PROJEK KEBAJIKAN DAN KEMASYARAKATAN YANG DILULUSKAN

Pada masa ini, potongan cukai hanya layak dipertimbangkan ke atas hadiah wang tunai yang disumbangkan oleh sektor swasta kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan serta institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Ini bermakna kemudahan potongan cukai ke atas sumbangan sektor swasta adalah agak terhad di mana hanya sumbangannya yang disalurkan kepada institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah seksyen tersebut sahaja layak mendapat kemudahan tersebut. Sebaliknya sumbangan kepada

projek kebajikan dan kemasyarakatan yang tidak disalurkan kepada institusi atau organisasi yang diluluskan tidak diberi potongan cukai.

Bagi menggalakkan penglibatan sektor swasta secara lebih aktif di dalam memberi sumbangan kepada projek kebajikan dan kemasyarakatan yang diluluskan, adalah dicadangkan sumbangan oleh sektor swasta kepada projek tersebut di dalam bidang pendidikan, kesihatan, perumahan serta infrastruktur dan kemudahan awam dibenarkan sebagai potongan bagi maksud cukai pendapatan.

Cadangan ini akan berkuatkuasa bagi sumbangan yang dibuat pada atau selepas 1 Januari 1996.

LAMPIRAN XV

KAJIAN KE ATAS DUTI SETEM BAGI SURATCARA- SURATCARA DI BAWAH SKIM PERBANKAN TANPA FAEDAH

Pada masa kini, suratcara-suratcara yang disempurnakan berikutan pertukaran dari skim pembiayaan perumahan konvensional kepada skim pembiayaan mengikut hukum Syariah adalah dikecualikan dari duti setem. Di samping itu, duti setem ke atas Perjanjian Sewabeli adalah sebanyak RM3.00 seperti di Item 4, Jadual Pertama, Akta Duti Setem 1949. Disebabkan tiada Akta Sewabeli mengikut hukum Syariah, Skim Al-Bai Bithaman Ajil adalah digunakan dan dikenakan duti setem ad-valorem iaitu RM2.50 untuk setiap RM500 atau sebahagian daripadanya.

Bagi mengurangkan perbezaan amaun duti setem yang dikenakan di bawah skim konvensional dengan skim secara Syariah dan demi menggalakkan pertumbuhan

Skim Perbankan Tanpa Faedah, adalah dicadangkan:

- (i) duti setem ke atas semua suratcara pinjaman yang disempurnakan berikutan pertukaran skim pembiayaan konvensional kepada skim pembiayaan mengikut Syariah dikecualikan daripada duti setem; dan

- (ii) amaun duti setem ke atas Perjanjian Sewabeli bagi pembiayaan barang-barang pengguna mengikut Skim Syariah dikenakan sebanyak RM3.00 sahaja dan duti selebihnya diremitkan.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996. •